

AL-IMAM AL-HAFIZ

Abu Al-Fath, Muhammad Bin Muhammad
Al-Ya'muri Al-Andalusi Al-Masri
(Ibn Sayyid An-Nas : 674H - 734H)

TERJEMAHAN

RINGKASAN SIRAH NUR AL-'UYUN

نورالعيون تلخيص سيرة الأئمين والمأمون

Diterjemah Oleh :
MOHD HAMIM BIN SEMAON

Disemak Oleh :
MOHD RODZI BIN ABU BAKAR

Diterbitkan Oleh:



PEDULI INSAN
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA
PPM-028-10-29082018

Terbit edisi e-buku Oktober 2021
@Pertubuhan Peduli Insan Malaysia

Tajuk asal : Nur Al-`Uyun Fi Talkhis Sirah Al-Amin Wa Al-Ma`mun
Pengarang : Al-Hafiz Fat-hu Ad-Din, Abu Al-Fath, Muhammad bin Muhammad
bin Muhammad bin Ahmad Al-Ya`muri Al-Andalusi, Al-Misri
Penterjemah : Mohd Hamim bin Semaon
Penyemak : Mohd Rodzi bin Abu Bakar
Reka bentuk kulit dan atur huruf : Saifullah bin Ahmad

Diterbitkan oleh :
Pertubuhan Peduli Insan Malaysia
38, Jalan Bola Tampar 13/14, Seksyen 13,
40100 Shah Alam, Selangor



PEDULI INSAN
PERTUBUHAN PEDULI INSAN MALAYSIA
PPM-028-10-29082018

PRA KATA PENTERJEMAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ الْأَمِينِ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, dengan izin dan bantuan Allah, terjemahan Sirah Nabi dari kitab tulisan Al-Imam Ibn Sayyid An-Nas yang berjudul:

Nur Al-`Uyun Fi Talkhis Sirah Al-Amin Wa Al-Ma`mun

telah berjaya diselesaikan. Buku ini merupakan tulisan Sirah Nabi yang telah beliau ringkaskan dari kitab beliau yang lebih besar iaitu `Uyun Al-Athar Fi Funun Al-Maghazi Wa Asy-Syamail Wa As-Siyar – yang bersaiz 2 jilid – agar ia dapat memudahkan umat Islam membaca dan membina asas kefahaman Sirah Nabi sebelum melanjutkan bacaan kepada buku-buku yang lebih terperinci.

Penulis asal buku ini ialah Al-Hafiz Fat-hu Ad-Din, Abu Al-Fath, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ya`muri Al-Andalusi, Al-Misri, yang terkenal dengan jolokan Ibn Sayyid An-Nas, yang merujuk kepada datuknya yang ke-12 yang bernama Sayyid An-Nas bin Abu Al-Walid.

Beliau seorang ilmuwan yang lahir di Kaherah pada bulan Zul Qa`dah, tahun 671 hijrah. Para ilmuwan di zamannya telah memperakui ketinggian ilmunya dan kepakarannya dalam bidang Hadith, Fiqh, Nahu dan Sastera Arab.

Buku ini ringkas namun mempunyai pendekatan yang unik dalam memperkenalkan keperibadian Nabi Muhammad ﷺ kepada manusia. Tidak diragukan, Sirah Nabi ﷺ merupakan salah satu elemen penting yang wajib ditekuni oleh umat Islam kerana ia dapat memperkenalkan diri Rasulullah kepada manusia dengan lebih dekat melalui akhlak-akhlak Nabi kepada kawan dan lawan, kisah-kisah, pendirian-pendirian yang diputuskan oleh Nabi, peristiwa suka, duka, mencabar dan getir yang pernah dilalui oleh Baginda termasuk info berkaitan hal-hal keperibadian Nabi ﷺ.

Bagi memudahkan pembacaan buku terjemahan ini, penterjemah telah melakukan beberapa perkara berikut:

- 1) Meletak dan menambah sub-sub topik bagi tujuan mengasingkan tulisan mengikut tajuknya.
- 2) Meletakkan beberapa nota kaki untuk menambahkan kejelasan huraian.
- 3) Tidak meletakkan takhrij hadith atau riwayat Sirah bagi tujuan meringkaskan penterjemahan.
- 4) Meletakkan sedikit carta dan gambar untuk menambah kefahaman.

Semoga usaha yang sedikit ini akan lebih mendekatkan diri penterjemah dan para pembaca kepada Sirah Nabi ﷺ serta menambahkan lagi usaha kita untuk mengenali, meneladani dan mengasihi Rasul tercinta. Semoga Allah memberikati usaha ini dan memberikan qabul kepadanya.
Amin, Ya Rabb Al-`Alamin

Mohd Hamim Bin Semaon
Muharram 1443

KATA ALUAN PENGARANG KITAB

Segala pujian adalah milik Allah, Tuhan yang membuka pintu-pintu kebaikan dan memberi punca-punca hidayah. Selawat dan Salam ke atas Nabi Muhammad ﷺ yang diutuskan oleh Allah sebagai penunjuk jalan yang lurus untuk pencari hidayah serta pengingat hujah ke atas orang yang memilih jalan yang salah. Seterusnya kepada keluarga Baginda dan para Sahabatnya yang gigih menghidupkan sunnah ajarannya di sepanjang masa.

Setelah saya selesai menulis kitab berjudul:

عُيُونُ الْأَثَرِ فِي فُنُونِ الْمَغَازِي وَالشَّمَائِلِ وَالسَّيَرِ

'Uyun Al-Athar Fi Funun Al-Maghazi Wa Asy-Syamail Wa As-Siyar yang bagus dalam kategorinya serta dapat memberi kecukupan dari tulisan yang lain untuk orang yang mencari bahan tentangnya, saya merasakan tulisan tersebut perlu diringkaskan dengan pendekatan yang mudah dibaca dan disebarkan, serta senang dipegang dan dibawa ke mana-mana. Mudah-mudahan ringkasan ini menjadi penyuluh untuk golongan pemula dan pengukuh buat golongan sarjana.

Saya namakan ringkasan ini sebagai:

نُورُ الْعُيُونِ فِي تَلْخِيصِ سِيرَةِ الْأَمِينِ وَالْمُؤْمِنِ

Justeru, dari Allah sahaja kami harapkan bekalan tawfiqNya dan kepadaNya jua kami pohon agar Dia mempermudah kami jalan kebaikan



Perihal Keturunan Nabi ﷺ



Nama Nabi kita ialah:

Muhammad bin Abdullah bin Abd Al-Muttalib bin Hasyim bin Abdu Manaf bin Qusay bin Kilab bin Murrah bin Ka`ab bin Lu`ay bin Ghalib bin Fihir bin Malik bin An-Nadhr bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Nizar bin Ma`ad bin `Adnan.

Ini adalah senarai keturunan Nabi Muhammad ﷺ yang disepakati oleh para ulama.

Adapun keturunan Nabi dari moyangnya `Adnan hingga Nabi Adam a.s, maka terdapat perbezaan pandangan yang banyak di kalangan ilmuwan.

Ibu Nabi ﷺ pula ialah:

Aminah binti Wahb binti Abdu Manaf bin Zuhrah bin Kilab bin Murrah bin Ka`ab bin Lu`ay.



Rajah Keturunan Nabi Muhammad ﷺ



Kelahiran Nabi Muhammad ﷺ



Nabi Muhammad ﷺ telah dilahirkan pada hari Isnin di bulan *Rabi` Al-Awwal* Tahun Gajah.

Pada malam kelahiran baginda, istana Iwan Kisra telah bergoncang hingga terdengar bunyi gegarannya. Sebanyak 14 balkoninya telah runtuh. Api besar di negeri Parsi telah terpadam sedangkan ia tidak pernah padam sejak sekitar 1000 tahun sebelum itu. Demikian juga Tasik *Saawah*¹ menjadi kering.



Penyusuan Nabi Muhammad ﷺ



Baginda telah dipersusukan oleh **Halimah binti Zuaib Al-Huzaliyyah**. Ketika tinggal bersamanya, dada baginda ﷺ telah dibelah (oleh malaikat Jibril) lalu ia diisi hikmah dan iman serta dikeluarkan dari hatinya habuan syaitan.

Baginda juga pernah dipersusukan oleh **Thuwaibah Al-Aslamiyyah**, hamba sahaya Abu Lahab.

Baginda kemudiannya diasuh oleh **Ummu Aiman**, nama sebenarnya **Barakah Al-Habasyiah**. Beliau adalah hamba sahaya yang diwarisi dari bapa Nabi, Abdullah. Ketika baginda sudah dewasa, baginda memerdekakannya dan mengahwinkannya dengan **Zaid bin Harithah**.

¹ Tasik Saawah (Sawa Lake) adalah sebuah tasik air masin yang terletak di arah Selatan Iraq, 23 KM berhampiran dengan bandar Al-Samawa. Menurut setengah riwayat, ia pernah kering ketika Nabi dilahirkan, namun kembali berair sehingga hari ini.



Kehidupan Nabi Muhammad Ketika Kecil



Bapa Nabi Muhammad ﷺ meninggal dunia ketika baginda di dalam perut ibunya.

Kemudian ibu baginda meninggal dunia ketika baginda berumur 6 tahun.

Lalu Nabi ﷺ dipelihara oleh datuknya, **Abd Al-Muttalib**.

Ketika usia baginda 8 tahun 2 bulan 10 hari, datuknya meninggal dunia, lalu pakciknya **Abu Talib** mengambil alih menjaga dan mengasuhnya.

Ketika baginda berumur 12 tahun 2 bulan 10 hari, baginda keluar bersama pakciknya **Abu Talib** menuju ke Syam. Ketika sampai di Busra, pendeta **Bahira** telah melihat baginda dan mengenali sifat-sifat kenabian pada baginda. Beliau datang kepada baginda dan memegang tangannya sambil berkata:

“Ini ialah seorang Rasul dari Tuhan sekalian alam. Allah akan melantiknya untuk menyebarkan rahmat ke seluruh alam. Ketika kalian datang dari Aqabah, semua batu dan pokok telah bersujud kepadanya. Makhluk-makhluk tersebut hanya bersujud kepada nabi. Kami telah menemui sifat-sifatnya disebutkan dalam kitab-kitab kami. Sifat-sifat ini telah maklum di sisi orang-orang sebelum kami.”

Kemudian dia berkata kepada Abu Talib: “Jika kamu meneruskan perjalanan ke Syam, orang yahudi pasti akan membunuhnya.”

Lalu Abu Talib kembali ke Mekah kerana bimbangkan keselamatan Nabi dari kejahatan orang Yahudi.



Kemudian baginda ﷺ pergi ke Syam kali ke-2 bersama **Maisarah**, seorang hamba sahaya lelaki milik Khadijah r.a untuk menguruskan perniagaan Khadijah – sebelum baginda mengahwininya.

Ketika di Syam, baginda telah berehat di bawah teduhan sebatang pokok berhampiran biara seorang pendeta. Pendeta itu keluar dan berkata:

“Hanya nabi sahaja yang berehat di bawah pokok ini pada waktu begini!”

Maisarah berkata: “Apabila tiba waktu terik panas tengahari, 2 malaikat akan turun dari langit dan aku melihat mereka meneduhi **Muhammad.**”

Setelah baginda pulang dari Syam, baginda mengahwini Khadijah bintu Khuwailid. Usia baginda ketika itu 25 tahun 2 bulan 10 hari.

Ketika berusia 35 tahun, baginda telah menyaksikan peristiwa pembinaan Kaabah dan baginda sendiri telah meletakkan kembali *Al-Hajar Al-Aswad* di tempatnya.



Perlantikan Baginda Sebagai Rasul



Ketika baginda berusia 40 tahun 1 hari, Allah ta`ala telah melantik beliau menjadi seorang Rasul membawa mesej kebahagiaan dan amaran kepada seluruh alam. Malaikat Jibril telah datang kepada baginda membawa wahyu dari Tuhan sekalian alam di Gua Hira`.

Jibril berkata: “Bacalah!”

Baginda menjawab: “Saya tidak tahu membaca.”

Baginda menceritakan: “Lalu Jibril mendakap dan memelukku hingga aku merasa sesak. Kemudian dia melepaskan aku dan berkata, “Bacalah!”

Saya menjawab: “Saya tidak tahu membaca.”

Kemudian Jibril berkata pada kali yang ketiga:

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan.

Dia menjadikan manusia dari segumpal darah.

Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Mulia.

Yang telah mengajarkan dengan pena.

Dia mengajar manusia apa yang manusia tidak ketahui.

Era kenabian – seperti yang disebutkan ahli sejarah – bermula pada hari Isnin, 8 Rabi` Al-Awwal.

Dalam tempoh tersebut, orang-orang Mekah pernah menghalau Nabi ﷺ ke kaki-kaki bukit hingga Nabi dan kaum kerabatnya telah menjalani kehidupan dipulau kaumnya dalam tempoh kurang dari 3 tahun. Kemudian Nabi ﷺ bebas dari pemulauan ketika berusia 49 tahun.

Setelah 8 bulan 21 hari dari peristiwa pemulauan, pakciknya **Abu Talib** meninggal dunia. 3 hari berikutnya, **Khadijah** menyusul menemui Tuhannya.

Ketika usia Nabi ﷺ mencecah 50 tahun 3 bulan, Nabi telah didatangi oleh sekumpulan jin dari daerah Nasibin² dan mereka telah memeluk agama Islam.

Ketika berumur 51 tahun 9 bulan, Nabi ﷺ telah diisra`kan dari tempat di antara Telaga Zamzam dan Maqam Ibrahim menuju Baitul Maqdis. Kemudian Nabi menaiki Buraq dan dimi`rajkan ke langit. Pada malam itu, ibadah solat mula difardukan.

Ketika berusia 53 tahun, Nabi ﷺ telah berhijrah dari Makkah ke Madinah pada hari Isnin, 8 Rabi` Al-Awwal. Nabi telah memasuki Kota Madinah pada hari Isnin dan tinggal di sana selama 10 tahun. Nabi juga telah wafat di sana.

2 Nasibin adalah sebuah bandar lama yang terletak di daerah Gaziantep, Selatan Turki.



Peperangan Nabi ﷺ



Peperangan yang pernah disertai oleh Nabi Muhammad ﷺ dalam tempoh kerasulannya ialah 25 buah peperangan. Di antara peperangan yang disertai Nabi ialah Perang Badr, Perang Uhud, Perang Khandaq, Perang Bani Quraizah, Perang Bani Al-Mustaliq, Perang Khaibar, Perang Hunain dan Perang Taif.

Ada pandangan mengatakan, Nabi turut menyertai peperangan di Wadi Al-Qura, Al-Ghabah dan Bani An-Nadhir.



Pengutusan Nabi ﷺ



Nabi Muhammad ﷺ telah mengutuskan lebih dari 50 rombongan pengutusan³.

3 Nabi s.a.w menghantar utusan dan rombongan untuk pelbagai tujuan seperti mengintip musuh, memerangi musuh, menghantar surat dan seumpamanya.



Ibadah Haji Nabi ﷺ



Nabi Muhammad ﷺ telah melaksanakan ibadah haji 1 kali setelah kedatangan Islam dan 2 kali sebelum kedatangan Islam.

Dalam peristiwa Haji Wada` (Haji Perpisahan), Nabi Muhammad ﷺ telah bertolak dari Madinah di waktu siang setelah Nabi menyikat rambut, memakai minyak dan wangian. Nabi kemudiannya telah bermalam di Zul Hulaifah⁴.

Kemudian Nabi bersabda:

"Malaikat telah datang kepadaku malam ini dan berkata, "tunaikan solat di lembah yang diberkati ini⁵ dan niatkanlah (pelaksanaan) umrah di dalam ibadah haji."

Lalu Nabi berihram dengan meniatkan umrah dan haji secara *qiran*.

Nabi ﷺ telah memasuki Kota Mekah pada hari Ahad di waktu pagi dari arah Kada` melalui jalan selekoh berbukit (thaniah `ulya). Nabi melaksanakan *tawaf qudum* secara berlari-lari anak pada 3 pusingan pertama dan berjalan pada 4 pusingan terakhir. Kemudian Nabi menuju ke bukit Sofa dan melakukan *sa`ie* di atas kenderaan. Kemudian Nabi memerintahkan mereka yang tidak membawa haiwan sembelihan (al-hadyi) agar menukarkan haji kepada umrah. Nabi kemudiannya singgah di kawasan Al-Hujun⁶.

4 Selain Zul Hulaifah, tempat ini juga dikenali dengan Abar Ali yang berada 9 KM dari arah Selatan Madinah.

5 Nama lembah itu ialah Wadi Al-`Aqiq

6 Al-Hujun adalah kawasan berhampiran perkuburan Al-Ma`lah

8 Zul Hijjah

Di Hari Tarwiyah⁷ , Nabi ﷺ menuju ke Mina serta menunaikan solat zohor, asar, maghrib dan isyak di sana. Nabi bermalam serta menunaikan solat subuh di tempat yang sama.

9 Zul Hijjah

Apabila matahari terbit, Nabi berjalan menuju Arafah. Sebuah khemah untuk Nabi ﷺ ditegakkan di Namirah. Nabi duduk di dalam khemah tersebut sehingga masuk waktu zohor. Kemudian Nabi berkhotbah dan menunaikan solat zohor dan asar secara berjemaah dengan 1 kali azan dan 2 kali iqamah.

Kemudian Nabi kembali ke khemah dan meneruskan doa, bertahlil dan bertakbir sehingga terbenam matahari.

10 Zul Hijjah

Kemudian Nabi ﷺ bergerak ke Muzdalifah selepas maghrib serta bermalam dan menunaikan solat subuh di sana.

Kemudian Nabi berada di kawasan Al-Masy`ar Al-Haram⁸ hingga waktu pagi mula menyingsing.

Sebelum matahari terbit, Nabi ﷺ mula bergerak menuju ke Mina. Di sana Nabi melontar 7 biji batu di Jamrah Al-`Aqabah.

11, 12 dan 13 Zul Hijjah

Dalam tempoh 3 hari tasyriq, Nabi ﷺ melakukan lontaran batu '7 biji, 7 biji' di 3 Jamarat pada setiap hari sambil berjalan

7 Hari Tarwiyah ialah hari ke-8 Zul Hijjah.

8 Ia merujuk sebuah lokasi bernama Qazah di Muzdalifah

kaki. Nabi memulakan lontaran batu di Jamrah yang berhampiran Al-Khaif iaitu Jamrah As-Sughra, kemudian di Jamrah Al-Wusta dan terakhir di Jamrah Al-`Aqabah. Nabi berdoa lama di Jamrah pertama (As-Sughra) dan kedua (Al-Wusta).

Nabi ﷺ melakukan sembelihan haiwan⁹ di hari keberadaannya di Mina. Kemudian Nabi menuju ke Kaabah dan menunaikan Tawaf Ifadhah 7 pusingan. Setelah itu Nabi pergi ke tempat minum dan meminum air zamzam. Kemudian Nabi kembali semula ke Mina.

Pada hari yang ke-3 tasyriq, Nabi ﷺ pergi ke Mekah (nafar) dan singgah di Al-Muhassab. Nabi telah mengarahkan Aisyah ke Tan`im untuk beliau melaksanakan ibadah umrah. Setelah itu, Nabi bersiap-siap untuk pulang.

Selepas Nabi ﷺ menunaikan tawaf wada`, Nabi bertolak pulang ke Madinah.



Ibadah Umrah Nabi ﷺ



Nabi ﷺ telah melakukan umrah sebanyak 4 kali, semuanya dilakukan dalam bulan Zul Qa`dah.



Ciri-ciri Keperibadian Nabi ﷺ



Nabi ﷺ mempunyai fizikal yang sederhana, lebar antara 2 bahunya (berdada bidang), warna kulitnya putih kemerahan. Rambutnya mencecah telinga. Uban di kepala dan janggutnya tidak

⁹ Nabi telah membawa 100 ekor unta ke Mekah dan menyembelih 63 ekor darinya. Kemudian Nabi meminta Ali menyembelih 37 ekor yang berbaki.

melebihi 20 helai. Wajahnya bercahaya umpama bulan penuh di waktu malam.

Rupa fizikalnya elok dan seimbang.

Jika Nabi berdiam diri, ketenangan terlihat di wajahnya. Jika Nabi bercakap, terserlah zahir ketokohnya.

Dari kejauhan, Nabi adalah seorang manusia yang indah dan elok. Ketika berdekatan, Nabi adalah insan yang bagus dan manis bual bicaranya. Dahinya lebar, kedua keningnya lebat tapi tidak bersambung, hidungnya mancung, kedua pipinya mendatar, mulutnya besar, giginya bersih dan tersusun. Di antara kedua bahunya terdapat cop kenabian¹⁰.

Orang yang cuba menyifatkan diri Nabi akan berkata, “Saya tidak pernah melihat insan seindahannya di kalangan orang terdahulu atau orang setelahnya.”



Nama-Nama Nabi ﷺ



Antara nama-nama Nabi ﷺ seperti yang pernah diberitahu oleh Baginda di dalam hadith-hadithnya ialah:

“Saya adalah **Muhammad** (محمد). Saya juga adalah **Ahmad** (أحمد). Saya adalah **Al-Mahi** (المأحى), yang denganku Allah memadamkan kekufuran. Saya adalah **Al-Hasyir** (الحاشر), di mana nanti manusia akan dihimpunkan di akhirat setelah saya dibangkitkan. Saya adalah **Al-`Aqib** (العاقب), iaitu tiada nabi setelahku.”

10 Bentuk cop kenabian ialah daging timbul berwarna putih kemerahan di belakang badan Nabi. Bentuknya seakan telur burung merpati.

Dalam riwayat lain ada menyebutkan:

“Saya adalah **Al-Muqaffi** (المقفي), **Nabi At-Tawbah** (نبي التوبة) dan **Nabi Ar-Rahmah** (نبي الرحمة).”

Dalam Sahih Muslim menyebutkan: “**Nabi Al-Malhamah** (نبي الملحمة).”

Di dalam Al-Quran Allah menamakan Nabi Muhammad dengan nama-nama berikut:

BASYIR	بَشِيرٌ	AHMAD	أَحْمَدُ
NAZIR	نَذِيرٌ	TAHA	طه
SIRAJ MUNIR	سِرَاجٌ مُنِيرٌ	YAASIN	يَاسِينَ
RA'UF RAHIM	رَوْؤُفٌ رَحِيمٌ	MUZAMMIL	مُزْمَلٌ
RAHMATAN LIL 'ALAMIN	رَوْؤُفٌ رَحِيمٌ	MUDATH-THIR	مُذَتِّرٌ
MUHAMMAD	مُحَمَّدٌ	'ABD	عَبْدٌ

Di dalam Al-Quran, Allah menamakan Nabi Muhammad sebagai:

'Abd (عَبْدٌ)

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا

Maha suci Allah yang telah memperjalankan hambaNya di waktu malam

Abdullah (عَبْدُ اللَّهِ):

وَأَنَّهُ لَمَّا قَامَ عَبْدُ اللَّهِ يَدْعُوهُ

Dan sesungguhnya ketika bangun hamba Allah itu mengajaknya...

Nazir Mubin (نَذِيرٌ مُبِينٌ):

وَقُلْ إِنِّي أَنَا النَّذِيرُ الْمُبِينُ

Dan katakanlah (wahai Muhammad), sesungguhnya aku adalah pemberi

peringatan yang nyata.

Muzakkir (مُذَكِّر):

فَذَكِّرْ إِنَّمَا أَنْتَ مُذَكِّرٌ

Dan berilah peringatan kerana sesungguhnya kamu adalah pemberi peringatan.

Terdapat lagi nama-nama Nabi yang lain dan kebanyakannya adalah berkait dengan sifat-sifat yang merujuk kepada keperibadian Nabi ﷺ.



AKhlak Nabi ﷺ



Di dalam hadith ada dinyatakan bahawa:

Aisyah r.a pernah ditanya tentang akhlak Nabi. Dia menjawab: “Akhlak Nabi adalah akhlak Al-Quran. Nabi marahkan sesuatu kerana Al-Quran memarahinya, dan sukakan sesuatu kerana Al-Quran menyukainya.”

Nabi tidak menjatuhkan hukum atau marah untuk kepentingan dirinya, melainkan jika pantang larang Allah dilanggar. Ketika itu Nabi akan menzahirkan marah kerana Allah. Apabila Nabi ﷺ marah, tidak ada orang yang dapat menyangkal kebenaran yang dibela oleh Baginda ﷺ.

Nabi adalah insan paling berani dan paling dermawan. Nabi tidak pernah berkata ‘tidak’ setiap kali diminta.

Nabi tidak pernah menyimpan harta di rumahnya walaupun 1 dinar atau 1 dirham. Jika terdapat lebih harta dan tiada siapa yang mengambilnya hingga tiba waktu malam, Nabi tidak akan

pulang ke rumah hingga harta tersebut diberikan kepada orang yang memerlukannya.

Nabi juga tidak mengambil dari harta-harta yang diperuntukkan oleh Allah melainkan untuk menampung keperluan asas keluarganya dalam tempoh setahun berbentuk makanan yang ringkas seperti kurma dan gandum. Malah ada ketikanya, Nabi memberikan peruntukan makanan keluarganya kepada orang lain hingga Nabi terpaksa mengambil bekalan baru sebelum berlalunya tempoh setahun.

Nabi ﷺ adalah insan yang paling bercakap benar, menunaikan janji, berperwatakan lemah lembut dan mesra dalam pergaulannya.

Nabi ﷺ juga insan yang tidak mudah marah dan bersifat pemalu. Bahkan baginda lebih merasa malu dari seorang gadis sunti yang berada di dalam biliknya.

Nabi ﷺ sering memelihara pandangan. Ia memandang ke arah tanah lebih lama berbanding mendongak ke langit. Nabi selalu memandang sesuatu secara sekali imbas (bukan merenung secara tajam).

Nabi ﷺ juga insan yang paling merendah diri. Dia menerima jemputan dari orang kaya dan orang miskin. Begitu juga dari orang merdeka dan hamba sahaya.

Nabi ﷺ adalah insan penyayang. Kerana sifat kasihnya, Baginda pernah menyua bekas air kepada seekor anak kucing serta membiarkannya minum hingga hilang dahaganya.

Nabi ﷺ sering memelihara maruah diri dan suka memuliakan sahabat-sahabatnya. Nabi tidak pernah melunjurkan kaki di hadapan mereka dan sering melapangkan tempat duduk

untuk mereka. Kedua lutut Nabi tidak pernah mendahului lutut orang yang duduk di sekitarnya. Sesiapa yang melihat Nabi pada kali pertama, akan merasa kagum. Sesiapa yang sudah bergaul dengan Nabi, akan merasa kasih kepada baginda ﷺ.

Nabi memiliki teman-teman yang berdampingan dengannya. Jika Nabi bercakap mereka akan mendengar dengan tekun. Jika Nabi memberi arahan, mereka segera melaksanakannya.

Nabi ﷺ juga orang yang pertama memberi salam bila bertemu dengan sesiapa.

Nabi memperelokkan penampilan di hadapan sahabatnya. Nabi mencari mereka dan bertanya khabar mereka. Siapa yang sakit, nabi akan melawatnya. Ketika mereka tiada, Nabi mendoakannya. Jika ada yang meninggal dunia, Nabi mengucapkan *istirja*¹¹ dan mendoakannya. Jika ada sahabatnya yang bimbangkan sesuatu, Nabi akan menziarahinya di rumahnya.

Nabi ﷺ pernah pergi ke kebun-kebun buah sahabatnya dan menjamah jamuan mereka. Nabi menghormati golongan yang berketurunan baik dan memuliakan golongan yang berjasa. Nabi tidak menyembunyikan wajah yang ceria dari orang lain dan tidak pula Nabi bersikap kasar. Nabi memaafkan orang yang meminta maaf kepadanya. Di sisi Nabi, kedudukan orang yang kuat atau lemah adalah sama.

Nabi ﷺ tidak akan membiarkan orang lain berjalan di belakangnya dengan alasan, “Biarkan malaikat sahaja berada di belakangku.”

Nabi tidak membiarkan orang lain berjalan sedangkan ia menunggang kenderaan, bahkan Nabi akan membawanya sekali. Jika orang itu enggan, Nabi akan berkata: “Berjalanlah di hadapanku

11 Istirja` ialah ucapan: **إنا لله وإنا إليه راجعون**

menuju ke destinasi kamu.”

Nabi ﷺ turut berkhidmat kepada orang yang berkhidmat kepadanya. Baginda mempunyai hamba sahaya lelaki dan perempuan, namun baginda tidak pernah meninggikan diri ke atas mereka dengan makanan, minuman dan pakaian.

Anas r.a menceritakan:

“Saya telah berkhidmat kepada Rasulullah ﷺ selama 10 tahun. Demi Allah, dalam setiap kali saya menemani Nabi di rumah atau ketika bermusafir untuk berkhidmat kepadanya, Nabi lebih banyak menolong saya berbanding saya membantunya. Nabi tidak pernah mendengus memarahi saya. Nabi juga tidak mempersoalkan saya bila saya lakukan sesuatu “kenapa kamu lakukan itu?” atau mempersoalkan saya bila saya tidak lakukan sesuatu, “kenapa kamu tidak melakukannya?”

Ketika dalam satu perjalanan, Nabi telah menyuruh sahabatnya menguruskan sembelihan kambing. Seorang sahabat berkata, “saya akan sembelihnya.” Yang kedua berkata, “saya akan melapahnya.” Yang ketiga pula berkata, “Saya akan memasaknya.” Sementara Nabi pula berkata: “Saya akan mencari kayu api.”

Para sahabat berkata: “Ya Rasulullah, kami boleh melaksanakan tugas ini.”

Nabi menjawab: “Saya tahu kamu boleh menguruskan semua. Tapi saya tidak mahu kelihatan istimewa di antara kamu kerana Allah tidak suka melihat hambaNya dalam keadaan diistimewakan di kalangan manusia.”

Lalu Nabi ﷺ pergi mencari kayu api.

Suatu ketika Nabi ﷺ bermusafir. Sampai di satu tempat Nabi

turun dari untanya untuk menunaikan solat. Setelah Nabi pergi, tiba-tiba nabi berpatah balik. Sahabat bertanya, “Ya Rasulullah, tuan mahu ke mana?” Nabi menjawab: “Saya mahu menambat unta saya.” Para sahabat berkata: “Biar kami lakukannya untuk tuan.” Nabi menjawab: “Tidak wajar seseorang itu meminta bantuan orang lain sekalipun pada perkara sekecil kayu sugi.”¹²

Nabi ﷺ tidak duduk atau bangun melainkan dengan berzikir. Apabila Nabi pergi ke suatu perhimpunan, Nabi akan duduk di tempat yang masih kosong. Nabi juga menyuruh sahabatnya berbuat demikian.

Nabi selalu memberi orang lain ruang untuk duduk. Mereka yang duduk dengan Nabi tidak pernah merasa ada orang lain yang mendapat layanan yang lebih istimewa.

Apabila ada orang yang datang duduk dengan Nabi, Nabi tidak akan beredar sehingga orang yang bersamanya itu mula beredar. Melainkan jika Nabi mempunyai urusan lain, maka Nabi akan meminta izin untuk beredar.

Nabi tidak pernah melakukan sesuatu yang tidak disukai orang lain.

Baginda juga tidak membalas keburukan orang dengan keburukan, bahkan Nabi memaafkan dan melupakannya.

Nabi ﷺ sering melawat orang yang sakit. Baginda juga mengasihi dan bermesra dengan orang miskin serta menghadiri jenazah mereka. Baginda tidak menghina golongan fakir kerana kefakiran mereka dan tidak pula takut kepada seorang raja kerana kedudukannya. Baginda menghargai sesuatu nikmat walaupun sedikit dan tidak meremehkannya.

12 Ertinya, Nabi tidak suka menyusahkan orang lain selagi Nabi boleh lakukannya sendiri.

Nabi tidak pernah menghina makanan. Jika baginda teringin, ia menjamahnya. Jika tidak, nabi membiarkannya.

Nabi juga menjaga hak-hak jiran dan memuliakan tetamu. Nabi sering menguntumkan senyuman dan berwajah ceria. Waktunya sering diisi dengan beramal kerana Allah dan perkara penting. Jika Nabi berhadapan dengan dua pilihan, baginda akan memilih perkara yang paling mudah, melainkan jika perkara tersebut menyebabkan terputusnya silaturahim, justeru Nabi akan menjauhinya.

Nabi memperbaiki sendiri seliparnya dan menampung sendiri pakaiannya.

Nabi menunggang kuda, baghal dan keldai. Nabi membenarkan hamba sahaya dan selainnya untuk membonceng di belakang baginda.

Ada ketikanya Nabi menyapu muka kudanya dengan lengan bajunya atau kain selendangnya.

Nabi menyukai sikap optimis dan membenci sikap pesimis.

Jika berlaku perkara yang disukai, Nabi akan mengucapkan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

"Segala pujian adalah milik Allah, Tuhan sekalian alam."

Jika berlaku sesuatu yang tidak berkenan dihati, Nabi mengucapkan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى كُلِّ حَالٍ

"Segala pujian kepada Allah untuk semua keadaan."

Apabila hidangan makanan telah diangkat, Nabi mengucapkan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنَا وَسَقَانَا وَآوَانَا وَجَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ

"Segala pujian bagi Allah yang telah menjamu kami makanan, memberi kami minum, memberi kami tempat tinggal serta menjadikan kami di kalangan orang-orang Islam."

Nabi ﷺ sering duduk menghadap kiblat, memperbanyakkan zikir, memanjangkan tempoh solat dan meringkaskan khutbah.

Nabi juga mengucapkan *istighfar* kepada Allah 100 kali dalam sekali duduk.

Pernah didengari bunyi sebak di dada Nabi ﷺ ketika baginda menunaikan solat disebabkan tangisan. Bunyinya seakan bunyi air menggelegak.

Nabi ﷺ sering berpuasa pada:

- Hari isnin dan khamis.
- 3 Hari pada setiap bulan.
- Hari Asyura`.

Baginda juga jarang makan pada hari Jumaat. Selain itu, Nabi sering juga berpuasa di bulan Syaaban.

Apabila tidur, mata Nabi ﷺ tertutup namun hatinya berjaga kerana menanti turunnya wahyu.

Ketika Nabi tidur, nafasnya kedengaran namun Nabi tidaklah berdengkur.

Jika Nabi melihat sesuatu yang buruk dalam mimpinya, Nabi akan berkata:

هُوَ اللَّهُ لَا شَرِيكَ لَهُ

"Dialah Allah, tiada sekutu bagiNya."

Apabila Nabi mula berbaring di tempat tidur, Nabi menyebutkan:

رَبِّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ

"Tuhanku, peliharalah aku dari azabMu di hari Engkau bangkitkan para hambaMu."

Apabila bangun dari tidur, baginda berkata:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَمَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ

"Segala puji bagi Allah yang telah menghidupkan kami setelah mematikan kami, dan kepadaNya jualah kami kembali."



Perihal Cara Nabi ﷺ Makan



Nabi ﷺ tidak memakan harta sedekah, namun menerima hadiah dan membalasnya kembali kepada pemberinya. Nabi juga tidak bermewah-mewah dalam makanan.

Nabi pernah mengikat perutnya dengan batu kerana menahan lapar.

Allah pernah menawarkan kepada Nabi kunci-kunci khazanah bumi namun baginda menolaknya dan memilih akhirat. Nabi memakan roti dan cuka, dan berkata:

“Sebaik-baik lauk adalah cuka.”

Nabi ﷺ pernah memakan daging ayam dan daging burung *hubara* (bustard).

Nabi juga menyukai buah labu dan betis biri-biri.

Nabi ﷺ memakan minyak zaitun. Nabi juga menyapu minyak zaitun pada rambut dan badannya dan berkata:

“Makanlah minyak zaitun dan sapulah ia di badan dan rambut, kerana ia terbit dari pokok yang diberkati.”

Nabi ﷺ makan dengan menggunakan 3 jari serta menjilatnya.

Baginda memakan roti dari gandum dengan buah kurma, tembikai dengan kurma rutob, timun dengan kurma rutob, kurma dengan mentega. Baginda juga menyukai manisan dan madu.

Nabi minum sambil duduk, namun kadang-kadang Nabi minum berdiri. Nabi bernafas 3 kali sambil menjauhkan mulut dari bekas minuman.

Nabi akan mendahulukan orang yang berada di sebelah kanannya jika baginda menjamu orang minuman atau meminum susu.

Nabi akan berkata, sesiapa yang diberi makanan oleh Allah, ia hendaklah berkata:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيهِ، وَأَطْعِمْنَا خَيْرًا مِنْهُ

“Ya Allah, berkatilah makanan ini untuk kami dan berilah kami makanan yang lebih baik.”

Dan sesiapa yang diberi minum susu oleh Allah, hendaklah dia berkata:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيهِ وَزِدْنَا مِنْهُ

"Ya Allah, berkatilah kami pada susu ini dan tambahilah lagi untuk kami."

Nabi ﷺ juga berkata:

"Tidak ada makanan atau minuman yang boleh menghilangkan lapar dan dahaga seperti susu."



Pakaian Nabi ﷺ



Nabi ﷺ memakai pakaian dari bulu biri-biri, memakai selipar bertampal dan tidak bermewah-mewah dalam pemakaian. Pakaian yang disukai Nabi ialah *Hibarah* (kain bercorak) dari negeri Yaman berwarna merah dan putih.

Baju yang paling disukai oleh Nabi *qamis* (baju berlengan).

Ketika Nabi memakai pakaian baru, Nabi berdoa:

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ كَمَا أَلْبَسْتَنِيهِ
أَسْأَلُكَ خَيْرَهُ وَخَيْرَ مَا صُنِعَ لَهُ
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِ وَمِنْ شَرِّ مَا صُنِعَ لَهُ

"Ya Allah, untukMu segala pujian seperti mana Engkau telah memakaikan aku pakaian ini.

Aku memohon padaMu kebbaikannya dan kebaikan tujuan ia diciptakan.

Aku berindung dari kejahatannya dan kejahatan dari tujuan ia diciptakan."

Nabi ﷺ turut meminati pakaian berwarna hijau.

Terkadang Nabi memakai sehelai *izar* (kain) tanpa lapisan luar dan mengikatnya pada lehernya.

Pada hari Jumaat, Nabi pernah memakai selendang berwarna merah serta berserban.

Nabi memakai cincin yang diperbuat dari perak di jari kelingking tangan kanannya. Terkadang di jari kelingking tangan kiri. Pada cincinnya ada ukiran:

محمد رسول الله

Nabi ﷺ juga menyukai wangian dan membenci bau busuk.

Sabda Nabi ﷺ:

“Sesungguhnya Allah menjadikan kegembiraanku pada wanita dan wanigan. Dan menjadikan kerehatanku ketika solat.”

Nabi ﷺ memakai wangian jenis *ghaliyah*¹³ atau wangian kasturi semata-mata.

Nabi juga membakar wangian *oud* dan *kafur*.

Nabi memakai celak dengan *ithmid*. Terkadang Nabi mengenakan celak 3 kali di mata kanan dan 2 kali mata kiri. Adakalanya Nabi memakai celak ketika sedang berpuasa.

Nabi sering menyapu minyak di kepala dan janggutnya. Namun Nabi memakai minyak secara berkala dan memakai celak

¹³ Ghaliyah ialah sejenis wangin campuran antara kasturi, anbar, oud dan minyak.

dengan bilangan ganjil.

Nabi ﷺ suka mendahulukan bahagian kanan ketika menyikat rambut, memakai selipar, bersuci dan lain-lain keadaan. Nabi juga menggunakan cermin.

Nabi turut membawa botol minyak ketika bermusafir. Demikian juga Nabi turut membawa botol celak, cermin, sikat, gunting, sugi, jarum dan benang.

Nabi bersugi 3 kali dalam satu malam iaitu sebelum dan setelah bangun tidur, ketika melakukan solat qiyam dan ketika keluar menunaikan solat subuh.

Nabi ﷺ juga melakukan bekam.



Gurau Senda Nabi



Nabi ﷺ bergurau senda, namun beliau hanya berkata yang benar.



Suatu hari seorang wanita datang kepada Nabi dan berkata:

“Ya Rasulullah, bawalah saya menunggang unta.”

Nabi berkata: “Saya akan bawakan puan di atas anak unta.”
Wanita itu menjawab: “Anak unta tidak mampu menanggung saya.”

Nabi berkata lagi: “Saya hanya akan bawa puan menunggang anak unta.”

Wanita itu menjawab: “Ia tidak mampu menanggung saya!”

Ketika itu orang ramai berkata kepada wanita tersebut: “Puan, bukankah setiap unta itu anak kepada unta yang lain?”



Suatu ketika, seorang wanita datang bertemu Nabi ﷺ dan berkata:

“Ya Rasulullah, suami saya sedang sakit dan dia menjemput kamu ke rumah.”

Nabi ﷺ berkata, “Suami puan seorang lelaki yang ada putih di matanya?”

Wanita itu pulang dan membuka mata suaminya. Suaminya bertanya kehairanan, “kenapa dengan awak?”

Wanita itu menjawab: “Rasulullah ﷺ memberitahu saya ada benda putih di mata abang!”

Suaminya berkata: “Lambatnya awak faham. Bukankah semua orang ada benda putih di matanya?”



Ada seorang wanita berkata kepada Nabi ﷺ:

“Ya Rasulullah, tolongkan doakan saya agar saya dapat masuk ke syurga.”

Nabi ﷺ membalas, “Wahai Ummu Fulan, sesungguhnya syurga tidak akan dimasuki oleh wanita tua.”

Lalu wanita itu bergegas pergi sambil menangis.

Nabi ﷺ pun berkata: “Beritahu wanita itu, bahawa syurga tidak dimasuki wanita tua, kerana Allah telah berfirman:

إِنَّا أَنْشَأْنَاهُنَّ إِنِشَاءً ۖ فَجَعَلْنَاهُنَّ أَبْكَارًا ۚ
عُرُبًا أَتْرَابًا ۚ لِأَصْحَابِ الْيَمِينِ

Sesungguhnya Kami ciptakan isteri-isteri mereka dengan ciptaan istimewa. Kami jadikan mereka sentiasa dara. Yang bersifat penyayang dan sebaya usianya. Semua itu disediakan untuk golongan kanan.



Perihal Isteri -Isteri Nabi ﷺ



Rasulullah ﷺ mengahwini **Khadijah binti Khuwailid** r.a. Beliau adalah anak perempuan Khuwailid. Sedikit kisahnya telah disebut sebelum ini¹⁴.

Kemudian Nabi mengahwini **Sawdah binti Zam`ah** bin Qais bin Abd Syams bin Abd Wudd bin Nasr bin Malik bin Hishl bin `Amir bin Lu`ai.

Ketika dikahwini Nabi, Sawdah adalah wanita berusia. Nabi pernah berhasrat menceraikannya. Namun Sawdah memberikan hari gilirannya kepada Aisyah r.a sambil berkata: “Saya sudah tidak perlukan lelaki. Saya cuma mahu dibangkitkan di hari kiamat di kalangan isteri-isteri kamu.”

Semoga Allah meredai beliau.



Kemudian Nabi mengahwini **Aisyah bin Abu Bakr** bin Abdullah bin Uthman bin `Amir bin `Amr bin Ka`ab bin Sa`ad bin Taym bin Murrah.

Nabi mengahwininya di Mekah 2 atau 3 tahun sebelum peristiwa hijrah. Usia Aisyah di waktu itu ialah 6 atau 7 tahun. Nabi mula tinggal Bersama Aisyah di Madinah ketika usianya 9 tahun. Ketika Nabi wafat, usia Aisyah ialah 18 tahun. Aisyah meninggal dunia pada tahun 58 hijrah. Nabi tidak mengahwini wanita gadis selain Aisyah. Gelaran beliau ialah Ummu Abdullah. Semoga Allah meredai beliau.



Kemudian Nabi mengahwini **Hafsah binti Umar** bin Al-Khattab bin Nufail bin Abd Al-Uzza bin Riyah bin Abdullah bin Qurt bin Razah bin `Adiyy bin Ka`ab.

Diriwayatkan Nabi ﷺ telah menceraikan Hafsah. Lalu Jibril turun menemui Nabi dan berkata: “Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu agar kembali (rujuk) kepada Hafsah, kerana beliau seorang wanita yang rajin berpuasa dan selalu bangun beribadah di waktu malam.”

Dalam satu riwayat lain menyebutkan, “kerana mengasihani Umar.”

Semoga Allah meredai kedua-duanya.



Kemudian Nabi ﷺ mengahwini **Ummu Habibah** (namanya) **Ramlah binti Abu Sufyan** (namanya) Sakhr bin Harb bin Umayyah bin Abd Syams bin Abd Manaf.

Perkahwinan ini berlaku ketika Ummu Habibah berada di Habsyah. Di waktu itu, Raja An-Najasyi yang membayarkan mahar kepada Ummu Habibah sebanyak 400 Dinar, sementara Uthman bin `Affan menjadi wali nikah kepada Nabi. Ada yang mengatakan, wali nikahnya ialah Khalid bin Said bin Al-`Asi r.a. Ummu Habibah meninggal dunia pada tahun 44 hijrah.

Semoga Allah meredai beliau.



Nabi ﷺ juga mengahwini **Ummu Salamah** (namanya) **Hindun binti Abu Halah** bin Al-Mughirah bin Abdullah bin Umar bin Makhzum.

Beliau meninggal dunia pada tahun 62 hijrah. Beliau adalah isteri Nabi yang terakhir meninggal dunia.

Semoga Allah meredai beliau.



Nabi ﷺ mengahwini **Zainab binti Jahsh** bin Ri-ab bin Ya`mur bin Sabirah bin Murrah bin Kabir bin Ghanm bin Dudan bin Asad bin Khuzaimah.

Beliau adalah anak perempuan kepada ibu saudara Nabi bernama Umaimah. Beliau adalah isteri Nabi yang terawal meninggal dunia serta antara wanita terawal yang ditanggung dalam keranda ketika jenazahnya dibawa ke perkuburan.

Semoga Allah meredai beliau.



Nabi ﷺ mengahwini **Juwairiyah binti Al-Harith** bin Abu Dhirar bin Habib bin `A-iz bin Malik bin Al-Mustaliq.

Beliau pernah menjadi orang tawanan dalam peperangan Bani Al-Mustaliq. Kemudian ia dimiliki oleh Thabit bin Qais bin Syammas dan melakukan perjanjian *al-mukatabah*¹⁵ dengan Thabit. Juwairiyyah mempunyai rupa yang menarik. Suatu ketika beliau datang meminta tolong Rasulullah ﷺ untuk menamatkan perjanjian *al-mukatabah*nya.

Rasulullah ﷺ: “Adalah lebih baik jika saya bayarkan nilai *al-mukatabah* untuk kamu lalu mengahwini kamu?”

Juwairiyyah menerima cadangan tersebut. Lalu Nabi membayar wang tersebut dan mengahwininya. Beliau meninggal dunia pada tahun 56 hijrah.

Semoga Allah meredai beliau.



Nabi ﷺ mengahwini **Safiyyah binti Huyai** bin Akhtab bin Sa`nah bin Tha`labah bin `Ubaid bin Ka`ab bin Al-Khazaraj An-Nadhiriyyah, dari keturunan Nabi Harun a.s.

15 Perjanjian Al-Mukatabah berlaku di antara seorang hamba sahaya dan tuannya. Bentuk perjanjiannya ialah kedua-dua pihak bersetuju jika hamba sahaya terbabit dapat membayar sekian jumlah harta kepada si tuan, hamba sahaya tersebut akan dimerdekakan.

Beliau pernah menjadi orang tawanan dalam peristiwa Perang Khaibar. Lalu Nabi ﷺ membebaskannya serta menjadikan kebebasannya sebagai mas kahwin untuknya. Beliau meninggal dunia pada tahun 50 hijrah.

Semoga Allah meredai beliau.



Nabi ﷺ mengahwini **Maimunah binti Al-Harith** bin Hazm bin Bujair bin Al-Harim bin Ru-aibah bin Abdullah bin Hilal bin `Amir.

Beliau adalah makcik kepada Khalid bin Al-Walid r.a dan Abdullah bin `Abbas r.a. Beliau adalah wanita terakhir yang dikahwini oleh Rasulullah ﷺ. Beliau meninggal dunia pada tahun 51 hijrah.

Ada yang mengatakan dia meninggal dunia pada tahun 66 hijrah. Jika benar pandangan ini, bererti beliau adalah isteri Nabi yang terakhir meninggal dunia.

Semoga Allah meredai beliau.

Ketika Nabi ﷺ wafat, Nabi telah meninggalkan semua isteri-isterinya yang telah disebutkan melainkan Khadijah.



Isteri Nabi Yang Meninggal Dunia Sebelum Nabi



Nabi ﷺ mengahwini **Zainab binti Khuzaimah**, (gelarannya) **Ummu Al-Masakin** r.a 3 tahun sebelum peristiwa hijrah. Beliau sempat hidup bersama Nabi dalam tempoh antara 2 hingga 3 bulan sebelum meninggal dunia.

Semoga Allah meredai beliau.



Wanita Yang Pernah Dicercaikan Oleh Nabi ﷺ Setelah Diberi Pilihan



Nabi ﷺ pernah mengahwini **Fatimah binti Ad-Dhahhak**. Ketika ayat *at-takhyir*¹⁶ turun, Nabi memberi pilihan kepadanya (di antara dunia dan akhirat), lalu beliau memilih dunia. Maka Nabi ﷺ berpisah dengannya.

Selepas itu beliau didapati mengutip najis haiwan sambil berkata: “Saya adalah orang yang celaka kerana telah melebihi dunia.”

16 Ayat takhyir bererti ayat Al-Quran yang memberi pilihan kepada para isteri Nabi s.a.w, sama ada mahukan Nabi s.a.w atau dunia. Ia merujuk kepada firman Allah dalam surah Al-Ahzab 27 - 28:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِّأَزْوَاجِكَ إِن كُنتُمْ تُرِيدْنَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا فَمَتَّعَنَّكِ وَأَسْرَحَنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ۚ وَإِن كُنتُمْ تُرِيدْنَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَالْآخِرَةَ فَإِنَّ اللَّهَ أَعَدَّ لِلْمُحْسِنَاتِ مِنكُنَّ أَجْرًا عَظِيمًا

Wanita Yang Pernah Dicercaikan Oleh Nabi Sebelum Sempat Hidup Bersama

Nabi ﷺ pernah mengahwini Asma` bin Ka`ab Al-Jawniyyah r.a dan `Amrah bin Yazid bin Al-Jawn Al-Kilabiyyah r.a. Namun Nabi ﷺ menceraikan kedua-duanya sebelum malam pertama.



Demikian juga Nabi ﷺ pernah mengahwini seorang **wanita dari Bani Ghifar**. Namun setelah didapati di badan wanita tersebut ada sopak, Nabi ﷺ menyerahkan kembali wanita itu kepada keluarganya.



Nabi juga pernah mengahwini seorang **wanita dari suku Tamimiyyah**. Namun ketika nabi memasuki bilik untuk tidur bersamanya, wanita itu telah berkata: "Saya berlindung dengan Allah dari kamu."

Nabi menjawab: "Allah memelihara orang yang berlindung denganNya. Maka kembalilah kepada keluarga kamu."

Nabi juga pernah mengawini **`Aliyah bin Zabyan**, namun Nabi ﷺ menceraikannya ketika ia dihantar masuk ke bilik Nabi.



Nabi pernah mengahwini **Mulaikah Al-Laithiyyah**. Ketika Nabi masuk ke biliknya, Nabi berkata: “Serahkan diri kamu kepada saya.” Mulaikah menjawab: “Adakah seorang permaisuri layak menyerahkan dirinya kepada orang biasa?”

Lalu Nabi ﷺ menceraikannya.



Wanita Yang Pernah Nabi Kahwini, Tetapi Meninggal Dunia Sebelum Memulakan Hidup Dengan Nabi



Nabi ﷺ pernah mengahwini **Asaaf binti Khalifah**, adik perempuan Dihyah Al-Kalbi r.a¹⁷.

Demikian juga Nabi pernah mengahwini **anak perempuan As-Salt**. Namun beliau meninggal dunia sebelum malam pertama.



17 Namanya yang masyhur ialah Syaraaf. Beliau telah meninggal dunia setelah akad nikah dilakukan sebelum sempat ia dihantar kepada Nabi s.a.w.



Wanita-Wanita Yang Menawarkan Diri Untuk Dikahwini Nabi, Namun Nabi Menolaknyanya



Khawlah bin Al-Huzail (atau binti Hakim). Beliau adalah wanita yang pernah menawarkan dirinya untuk dikahwini Rasulullah ﷺ¹⁸.

Ada pandangan mengatakan, **Ummu Syarik** juga pernah melakukan perkara yang sama¹⁹.



Wanita-Wanita Yang Pernah Dipinang Oleh Nabi ﷺ



Nabi pernah meminang seorang wanita dari kabilah Murrah. Namun bapanya memberi alasan anaknya mempunyai penyakit sopak, namun hakikatnya ia tidak begitu.

Ketika bapanya pulang, ia benar-benar mendapati anaknya sudah terkena penyakit sopak.



Nabi ﷺ pernah meminang seorang wanita melalui bapanya. Lalu bapanya menceritakan sifat-sifat keperibadian anaknya. Ia turut berkata, “anak saya ini tidak pernah mengalami apa-apa

18 Namun Rasulullah s.a.w tidak menyahut pelawaannya, dan akhir beliau dikahwini oleh Uthman bin Maz'un

19 Ummu Syarikh juga pernah menawarkan diri untuk dikahwini oleh Nabi. Namun Nabi menolak dengan baik.

sakit.”

Lalu Nabi ﷺ berkata: “Wanita sebegini tidak mempunyai kebaikan di sisi Allah,” lalu Nabi meninggalkannya.

Kadar Mas Kahwin Isteri-Isteri Nabi ﷺ

Kadar mas kahwin yang Nabi berikan kepada para isterinya ialah 500 Dirham untuk setiap seorang – menurut pandangan yang paling sahih – , melainkan terhadap Safiyah dan Ummu Habibah ²⁰.

Semoga Allah meredai isteri-isteri Nabi ﷺ.

Perihal Anak-Anak Nabi ﷺ

Anak-anak Nabi ialah:

1. Al-Qasim.

Dengan nama beliaulah Nabi menamakan kunyahnya²¹ .

2. Abdullah.

Beliau dipanggil juga dengan At-Tayyib At-Tahir.

3. Zainab

4. Ruqayyah

5. Ummu Kulthum

20 Ini kerana mas kahwin mereka berdua telah berlaku dalam bentuk pembebasan dari menjadi tawanan perang.

21 Kunyah ialah nama timangan seseorang yang bermula ‘Abu’ untuk lelaki dan ‘Ummu’ untuk perempuan. Ia merupakan salah satu budaya bangsa Arab.

6. Fatimah

Semoga Allah meredai mereka.

Semua anak-anak lelaki Nabi meninggal dunia semasa kecil sebelum kedatangan Islam. Sementara anak-anak perempuan Nabi sempat hidup setelah kedatangan Islam dan mereka semua memeluk agama Islam.

Semua anak-anak lelaki dan perempuan Nabi dilahirkan oleh Khadijah r.a.

Ketika berada di Madinah, Nabi ﷺ mendapat anak bernama Ibrahim, anak lelaki dari Mariyah. Namun dia meninggal dunia ketika berusia 70 hari. Ada pandangan mengatakan 18 bulan.

Semua anak-anak Nabi meninggal dunia ketika Nabi hidup kecuali Fatimah. Beliau meninggal dunia selepas 6 bulan Nabi wafat.



Keluarga Anak-Anak Nabi ﷺ



1. **Zainab binti Muhammad** r.a berkahwin dengan **Abu Al-`Asi bin Ar-Rabi`** bin Abd Syams. Mereka berdua dikurniakan anak lelaki bernama **Ali** (meninggal dunia semasa kecil) dan anak perempuan bernama **Umamah**.

Setelah itu, Umamah telah dikahwini oleh Ali bin Abu Talib. Setelah kematian Ali, Al-Mughirah²² bin Nawfal bin Al-Harith bin Abd Al-Muttalib mengahwini Umamah dan dikurniakan anak bernama Yahya.

22 Beliau adalah anak sepupu Saidina Ali bin Abi Talib.

2. **Fatimah binti Muhammad** r.a berkahwin dengan **Ali** r.a dan dikurniakan **Hasan, Husain** dan **Muhsin**. Namun Muhsin meninggal dunia semasa kecil. Selain itu, Fatimah juga melahirkan **Ruqayyah, Zainab** dan **Ummu Kulthum**. Semoga Allah meredai mereka.


Ruqayyah anak Fatimah meninggal dunia sebelum mencecah usia baligh.

Zainab pula mengahwini Abdullah bin Ja`afar. Setelah dikurniakan anak bernama Ali, Zainab meninggal dunia.

Ummu Kulthum pula berkahwin dengan Umar bin Al-Khattab r.a lalu melahirkan anak bernama Zaid. Setelah kematian Umar, `Aun bin Ja`far mengahwini Ummu Kulthum. Setelah kematian `Aun, adiknya Muhammad telah mengahwini Ummu Khulthum. Setelah Muhammad meninggal dunia, adiknya Abdullah telah menjadi suami Ummu Kulthum.

3. **Ruqayyah binti Muhammad** telah berkahwin dengan Uthman bin `Affan r.a dan dikurniakan anak bernama Abdullah. Namun Ruqayyah meninggal dunia pada hari Zaid bin Harithah datang memberi berita gembira kemenangan dalam perang Badar.
4. Kemudian Uthman mengahwini adiknya, **Ummu Kulthum** namun beliau meninggal dunia pada bulan Sya`aban tahun ke-9 hijrah.

Sebelum mengahwini Uthman, Ummu Kulthum pernah berkahwin dengan `Utaibah bin Abu Lahab, sementara Ruqayyah pernah bersuamikan `Utbah bin Abu Lahab.



Anak-Anak Nabi Muhammad ﷺ dan Keluarga



Bapa saudara Dan Ibu saudara Di Sebelah Bapa Nabi ﷺ



Bapa-bapa saudara Nabi ialah:

1. Al-Harith
2. Qutham
3. Az-Zubair
4. Hamzah
5. Al-`Abbas
6. Abu Talib (nama sebenarnya Abd Manaf)
7. Abu Lahab (nama sebenarnya Abd Al-`Uzza)
8. Abd Al-Ka`abah
9. Hajl (nama sebenarnya Al-Mughirah)
10. Dhirar
11. Al-Ghaidaq

Ibu-ibu saudara Nabi pula ialah:

1. Safiyyah
2. `Atikah
3. Arwa
4. Umaimah
5. Barrah
6. Ummu Hakim Al-Baidha`

Yang memeluk agama Islam di kalangan mereka ialah:

1. Hamzah
2. Al-`Abbas
3. Safiyyah



Hamba Sahaya Nabi ﷺ



- Hamba sahaya lelaki Nabi ialah:
 1. **Zaid bin Harithah.** Beliau kemudiannya dibebaskan oleh Nabi ﷺ. Anak lelaki Nabi ialah Usamah bin Zaid.
 2. **Thawban bin Bujdud.**
 3. **Abu Kabsyah Sulaim.** Beliau pernah menyertai perang badar dan kemudiannya dibebaskan oleh Nabi ﷺ. Beliau wafat di hari Umar dilantik menjadi khalifah.
 4. **Anasah.** Beliau juga telah dimerdekakan oleh Nabi ﷺ.
 5. **Syukuran.** Nama sebenarnya ialah Soleh. Dikatakan, Nabi ﷺ mewarisi hamba sahaya ini dari ayah Nabi. Ada pandangan mengatakan, Nabi membeli Syukuran dari Abd Ar-Rahman bin `Auf, kemudian memerdekakannya.
 6. **Rabah Nubi.** Beliau telah dibebaskan oleh Nabi ﷺ.
 7. **Yasar Nubi.** Beliau telah dibunuh oleh Suku `Urani.
 8. **Abu Rafi`** (nama sebenarnya Aslam). Hamba sahaya ini telah diberikan oleh Al-`Abbas. Kemudian ia dibebaskan ketika dia memberitahu Nabi tentang keislaman Al-`Abbas. Abu Ra`fi` telah dikahwinkan dengan Salma, juga hamba sahaya Nabi. Pasangan ini telah dikurniakan anak bernama `Ubaidullah yang kemudiannya menjadi setiusaha negara di zaman pemerintahan Ali bin Abi Talib.
 9. **Abu Muwaihibah.** Beliau telah dibebaskan oleh Nabi.

10. **Fadhalah.** Beliau meninggal dunia di Syam.
11. **Rafi` mawla** kepada Sa`id bin Al-`Asi. Kemudian Nabi ﷺ memerdekakannya.
12. **Mid`am,** hamba sahaya yang diberikan oleh Rifa`ah Al-Juzami. Beliau terbunuh dalam peperangan Wadi Al-Qura.
13. **Kirkirah Nubi,** hamba sahaya yang dihadiahkan oleh Hawzah bin Ali. Kemudian Nabi membebaskannya.
14. **Zaid.** Beliau adalah datuk kepada Bilal bin Yasar.
15. **Ubaid**
16. **Tahman**
17. **Ma`bur Al-Qibti,** hamba sahaya yang dihadiahkan oleh Raja Al-Muquauqis.
18. **Waqid.** Kuniahnya Abu Waqid.
19. **Hisyam**
20. **Abu Dhamrah.** Beliau menjadi hamba saya melalui harta rampasan al-fai`. Kemudian Nabi membebaskannya.
21. **Hunain**
22. **Abu `Asyib.** Nama sebenarnya ialah Ahmar.
23. **Abu Ubayd.**
24. **Safinah.** Pada asalnya, beliau hamba sahaya milik Ummu Salamah. Namun Ummu Salamah telah membebaskannya dengan syarat ia berkhidmat kepada Nabi ﷺ selama baginda masih hidup. Dia berkata: "Jika kamu (Ummu Salamah) tidak meletakkan syarat ini kepada saya, saya tetap tidak akan berpisah dengan Nabi." Nama asalnya ialah Rabah. Ada pendapat mengatakan namanya ialah Mihran.
25. **Abu Hind.** Kemudian beliau telah dibebaskan oleh Nabi ﷺ.
26. **Anjasyah Al-Hadi.**
27. **Abu Lubabah.** Beliau telah dibebaskan oleh Nabi.

Sebahagian ilmuwan ada yang menyenaraikan lebih dari bilangan ini.

Semoga Allah meredai mereka.

- Hamba Sahaya Perempuan Nabi ialah:
 1. **Salma, Ummu Rafi`.**
 2. **Barakah.** Beliau adalah pengasuh Nabi ketika kecil. Nabi mewarisinya dari bapanya.
 3. **Mariyah.**
 4. **Raihanah.** Beliau pernah menjadi tawanan ketika peristiwa kepungan Yahudi Bani Quraizah.
 5. **Maimunah binti Sa`ad.**
 6. **Khadrah.**
 7. **Radhwa**

Semoga Allah meredai mereka.



Pembantu-Pembantu Nabi ﷺ



Mereka ialah:

1. **Anas bin Malik**
2. **Hindun binti Harithah**
3. **Asma` binti Harithah**
4. **Rabi`ah bin Ka`ab Al-Aslami**
5. **Abdullah bin Mas`ud**
6. **Uqbah bin `Amir**
7. **Bilal**
8. **Sa`ad**
9. **Zu Mikhmar** anak lelaki kepada saudara An-Najasyi
10. **Bakair bin Syaddakh Al-Laithi**
11. **Abu Zar Al-Ghifari.**

Semoga Allah meredai mereka.

Pengawal-Pengawal Nabi ﷺ

1. Sa`ad bin Mu`az – ketika perang Badar
2. Zakwan bin Abd Qais – ketika perang Uhud
3. Muhammad bin Maslamah – ketika perang Uhud
4. Az-Zubair bin Al-`Awwam – ketika perang Khandaq
5. `Abbad bin Bisyr – ketika perang Khaibar
6. Sa`ad bin Abi Waqqas – ketika perang Khaibar
7. Abu Ayyub Al-Ansari – ketika perang Khaibar
8. Bilal bin Rabah – ketika perang Wadi Al-Quran

Semoga Allah meredai mereka.

Namun ketika turunnya ayat Al-Quran:

وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ النَّاسِ²³

“Dan Allah yang memelihara kamu dari gangguan manusia,”

Nabi ﷺ tidak lagi melantik pengawal.

Utusan-Utusan Nabi Yang Dihantar Kepada Raja-Raja

1. `Amr bin Umayyah r.a

Beliau diutus oleh Nabi kepada Raja An-Najasyi. Nama sebenarnya ialah As-hamah yang bererti pemberian. `Amr telah meletakkan surat Rasulullah ﷺ di hadapan raja An-Najasyi,

lalu dia turun dari singgahsana dan duduk di atas lantai serta memeluk agama Islam. Raja An-Najasyi mangkat ketika Nabi ﷺ hidup pada tahun ke-9 hijrah, lalu Nabi menunaikan solat jenazah ghaib ke atasnya.

2. Dihyah bin Khalifah Al-Kalbi

Beliau diutuskan kepada Qaisar Rom, iaitu Raja Hiraql. Raja Hiraql mendapati kenabian Nabi Muhammad adalah benar dan beliau ingin memeluk agama Islam, namun bangsa Rom tidak menyokongnya. Raja Hiraql bimbang kehilangan takhta kerajaan yang dikuasainya, lalu beliau membatalkan hasrat tersebut.

3. Abdullah bin Huzafah As-Sahmi

Beliau diutuskan kepada Kisra, Raja Parsi – semoga Allah melaknat beliau –, namun Raja Parsi telah mengoyakkan surat Nabi ﷺ. Ketika perkara ini sampai ke pengetahuan Nabi, Nabi berkata: “Semoga Allah mengoyakkan kerajaannya dengan sekoyak-koyaknya.”

4. Hatib bin Abi Balta`ah

Beliau diutuskan kepada Raja Al-Muqauqis. Beliau mempunyai sikap yang mesra dengan agama Islam. Beliau juga telah menghadihkan dua orang hamba sahaya, Mariyah dan Syirin bersama-sama seekor baghal syahba` yang bernama Duldul. Ada pandangan mengatakan, Raja Al-Muqauqis telah menghadihkan 1000 Dinar dan 20 helai pakaian dari sutera.

5. `Amr bin Al-`As

Beliau diutuskan kepada 2 orang raja Oman iaitu Raja Jaifar bin Al-Julanda dan Raja `Abd bin Al-Julanda. Kedua-dua orang raja ini memeluk agama Islam dan membenarkan `Amr mengutip zakat serta membuat beberapa ketetapan kepada rakyat. Perkara ini terus berlaku sehingga Nabi ﷺ wafat.

6. Salit bin `Amr Al-`Amiri

Beliau diutuskan kepada pemimpin Al-Yamamah, Hawzah bin Ali. Pemimpin ini telah memuliakan Salit dan membalas surat Nabi dengan berkata:

“Sungguh elok dan bagus sekali ajaran yang dipelawa oleh tuan. Saya adalah seorang pemidato dan penyair untuk masyarakat di sini. Justeru, saya mohon tuan berikan saya sedikit keistimewaan.”

Namun Nabi ﷺ enggan berbuat demikian dan Hawzah akhirnya tidak memeluk agama Islam.

7. Syuja` bin Wahb Al-Asadi

Beliau telah diutuskan kepada Al-Harith bin Abu Syamr Al-Ghassani, Raja Al-Balqa` di negeri Syam. Namun beliau telah melempar surat Nabi dan berkata: “Saya akan pergi memerangnya!”

Namun Hasrat beliau telah ditentang oleh Raja Qaisar.

8. Al-Muhajir bin Abu Umayyah Al-Makhzumi

Beliau telah diutuskan kepada Al-Harith Al-Himyari di negeri Yaman.

9. Al-`Ala' bin Al-Hadhrami

Beliau telah diutuskan kepada Raja Al-Munzir bin Sawa, penguasa negeri Bahrain. Raja ini kemudiannya memeluk agama Islam.

10. Abu Musa Al-Asy`ari

Beliau telah diutuskan ke Yaman dengan dibantu oleh Muaz bin

Jabal r.a. Seluruh penduduk Yaman dan raja-raja mereka telah memeluk agama Islam tanpa pertumpahan darah.



Penulis-Penulis Nabi ﷺ



Di antara sahabat Nabi yang pernah ditugaskan menulis bagi pihak Nabi ialah :

1. Khalifah yang empat (Abu Bakr, Umar, Uthman dan Ali)
2. `Amir bin Fuhairah
3. Abdullah bin Al-Arqam
4. Ubay bin Ka`ab
5. Thabit bin Qais bin Syammas
6. Khalid bin Sa`id
7. Hanzalah bin Ar-Rabi`
8. Zaid bin Thabit
9. Muawiyah bin Abu Sufyan
10. Syurahbil bin Hasanah

Semoga Allah meredai mereka.



Sahabat Yang Pernah Ditugaskan Nabi Memancung Kepala Pesalah



1. Ali bin Abi Talib
2. Az-Zubair bin Al-`Awwam
3. Muhammad bin Maslamah
4. `Asim bin Thabit bin Abu Al-Aqlah
5. Al-Miqdad bin Al-Aswad

Semoga Allah meredai mereka.



Sahabat-Sahabat Nabi Yang Berkebolehan Tinggi (An-Nujaba')²⁴



Mereka ialah:

1. Abu Bakar
2. Umar bin Al-Khattab
3. Ali bin Abi Talib
4. Hamzah bin Abd Al-Muttalib
5. Ja`afar bin Abi Talib
6. Abu Zarr Al-Ghiffari
7. Al-Miqdad bin Al-Aswad
8. Salman Al-Farisi
9. Huzaifah bin Al-Yaman
10. Abdullah bin Mas`ud
11. `Ammar bin Yasir
12. Bilal bin Rabah

Semoga Allah meredai mereka.



10 Orang Sahabat Nabi Yang Dijanjikan Syurga



Mereka ialah sahabat Nabi yang telah dipersaksikan oleh Nabi sebagai ahli syurga sewaktu mereka hidup, iaitu:

1. Abu Bakr As-Siddiq
2. Umar bin Al-Khattab
3. Uthman bin `Affan

²⁴ An-Nujaba' bermaksud mereka yang berkebolehan luar biasa berbanding yang lain dari sudut kebijaksanaan, bakat, pengetahuan dan kemahiran

4. Ali Bin Abi Talib
5. Az-Zubair bin Al-`Awwam
6. Sa`ad bin Abi Waqqas
7. Abd Ar-Rahman bin `Auf
8. Talhah bin `Ubaidillah
9. Sa`id bin Zaid
10. Abu `Ubaidah `Amir bin Al-Jarrah

Semoga Allah meredai mereka.



Haiwan-Haiwan Tunggangan Nabi ﷺ



• KUDA

Nabi ﷺ memiliki 10 ekor kuda. Namun terdapat perbezaan pandangan di kalangan ilmuwan pada bilangan sebenar, sama ada lebih atau kurang dari 10 ekor tersebut.

Haiwan tunggangan Nabi ialah:

1. As-Sakb.

Kuda ini digunakan oleh Nabi dalam perang Uhud. Ia mempunyai tompok putih di dahi dan juga tompok putih pada kebanyakan kakinya dengan bersulam warna badan pada kaki kanannya.

2. Al-Murtajiz

Kuda ini telah dipersaksikan²⁵ oleh Khuzaimah bin Thabit.

²⁵ Ia merujuk kepada kisah Nabi s.a.w berurus niaga dengan seorang Arab Badwi bernama Sawa` bin Al-Harith Al-Muharibi dalam pembelian seekor kuda. Kuda itu telah dibeli oleh Nabi, namun Sawa` meminta saksi atas jual beli tersebut. Lalu Khuzaimah bin Thabit telah mengaku dirinya menyaksikan urusan

3. **Lizaz**

Kuda ini dihadiahkan oleh Raja Al-Muqauqis.

4. **Al-Lahif**

Kuda ini dihadiahkan oleh Rabi`ah bin Abi Al-Bara`.

5. **Az-Zarib**

Kuda ini dihadiahkan oleh Farwah Al-Juzami.

6. **Al-Ward**

Kuda ini dihadiahkan oleh Tamim Ad-Dari.

7. **Ad-Dhars**

8. **Mulawih**

9. **Sabhah**

Dengannya Nabi pernah bertanding perlumbaan kuda dan memenangnya serta bergembira dengan kemenangan tersebut.

10. **Al-Bahr**

Nabi membeli kuda ini dari pedagang Yaman. Dengan kuda ini Nabi telah bergegas mendahului orang lain dalam situasi kecemasan sebanyak 3 kali. Nabi mengusap muka kuda tersebut sambil berkata:

“Kamu ini benar-benar *Bahr* (lautan).”²⁶



niaga tersebut, sedangkan hakikat ia tidak demikian. Apabila ditanya oleh Nabi, kenapa Khuzaimah berbuat demikian, beliau menjawab, “Kamu bercakap benar wahai Rasulullah. Dan saya percaya dengan apa yang kamu katakan dan saya yakin kamu hanya mengatakan perkara yang benar sahaja.”

²⁶ Orang Arab akan menyamakan kuda yang tangkas berlari umpama lautan yang berombak.

- **BAGHAL** ²⁷

Nabi juga memiliki 3 ekor baghal iaitu:

1. **Ad-Duldul**

Baghal ini dihadiahkan oleh Raja Al-Muqauqis. Ia merupakan baghal pertama yang ditunggang setelah Nabi menjadi Rasul.

- 2) **Fidh-dhah**

Nabi menerima pemberian baghal ini dari Abu Bakr As-Siddiq.

- 3) **Al-Ailiyyah**

Baghal ini dihadiahkan oleh Raja Ailah.

- **KELDAI**

Nabi juga pernah memiliki seekor keldai yang dipanggil Ya`fur

- **UNTA**

Dari sudut haiwan ternak, tiada riwayat yang mengatakan Nabi pernah memelihara lembu.

Namun Nabi ﷺ pernah memiliki 20 ekor unta **Liqhah** iaitu unta tenusu dan ia diletakkan di dalam hutan.

Demikian juga Sa`ad bin `Ubadah pernah menghantar kepada Nabi ﷺ seekor unta **Muhriyyah** dari ternakan Bani `Uqail.

Nabi juga memiliki unta **Al-Qaswa`**, iaitu unta yang Nabi naiki ketika berhijrah ke Madinah. Nabi ﷺ tidak meletakkan barang-barang di atas unta tersebut jika turun wahyu kepada Nabi. Ada pandangan mengatakan, unta tersebut ialah **Al-`Adhba`**.

Al-Jad-a` ialah unta Nabi yang pernah dikalahkan oleh unta lain hingga ia menimbulkan kekusaran di hati orang-orang Islam.

Lalu Nabi berkata:

“Sesungguhnya telah menjadi ketetapan Allah bahawa perkara keduniaan yang pernah dijulang mulia akan direndahkan kedudukannya.”²⁸

Namun ada pandangan mengatakan, unta Nabi yang dikalahkan itu bukan Al-Jad-a`.²⁹

Nabi ﷺ memiliki 100 ekor kambing.

Nabi juga memiliki seekor biri-biri yang dikhususkan untuk minuman susu, yang dipanggil sebagai **Ghaithah**.

Nabi ﷺ juga memiliki seekor ayam jantan berwarna putih.

Perihal Senjata Nabi ﷺ

Nabi ﷺ memiliki 9 bilah pedang iaitu:

1. Zul Faqar

Pedang ini dimiliki melalui pembahagian harta rampasan perang Badar. Pemilik asalnya ialah anak-anak Al-Hajjaj As-Sahmi³⁰.

28 Maksudnya, perkara-perkara keduniaan tidak akan selamanya berada di tempat yang tinggi dan mulia. Bila tiba masanya, kedudukannya akan menja-
di rendah dan dipandang biasa – Penterjemah.

29 Kebanyakan kitab-kitab syarah hadith mengaitkan peristiwa ini dengan unta Nabi yang dipanggil Al-`Adhba`.

30 Iaitu Munabbih bin Al-Hajjaj dan Nabih bin Al-Hajjaj, dari suku As-Sahmi. Mereka berdua menyertai kumpulan musyrik Mekah dalam perang Badar.

Nabi pernah bermimpi pedang ini menjadi sumbing. Nabi mentakwil mimpi tersebut sebagai kekalahan perang, dan ia berlaku dalam perang Uhud.

2. **Al-Qal`iy**

3. **Al-Battar**

4. **Al-Hatf**

Ketiga-tiga bilah pedang ini Nabi ﷺ perolehi dari harta rampasan dalam peristiwa kepungan Yahudi Bani Qainuqa`.

5. **Al-Mikhzam**

6. **Ar-Rasub**

7. **Ma`thur**

Pedang Ma`thur telah diwarisi oleh Nabi dari bapanya.

8. **Al-`Adhab**

Pedang ini diberikan oleh Sa`ad bin `Ubadah.

9. **Al-Qadhib**

Ini merupakan pedang pertama yang digunakan oleh Nabi ﷺ dalam peperangan setelah dilantik menjadi Rasul.

Nabi ﷺ juga mempunyai 4 batang lembing.

Sebatang lembing dinamakan **Al-Munthani** dan 3 batang lagi diperolehi dari harta rampasan dalam peristiwa kepungan Yahudi Bani Qainuqa`.

Nabi ﷺ juga mempunyai:

1. **`Anazah** (sejenis senjata yang lebih pendek dari lembing dan terdapat besi di hujungnya). Nabi pernah meletakkan `anazah di hadapannya ketika menunaikan solat 2 hari raya.
2. **Mihjan** (sejenis tongkat yang berkepala bengkok) yang panjangnya sekadar satu hasta.

3. **Mikhsarah** (sejenis tongkat yang digunakan untuk menongkat diri) yang dinamakan sebagai Al-`Urjun
4. **Qadhib** yang dinamakan sebagai Al-Mamsyuq
Nabi ﷺ juga memiliki empat busur anak panah (**qissi**) dan bekas mengisi anak panah yang diperbuat dari kulit (**ja`bah**).

Demikian juga Nabi memiliki perisai (**turs**) yang terdapat ukiran patung burung helang. Perisai tersebut dihadiahkan orang kepada Nabi. Nabi selalu meletakkan tangannya di atas ukiran tersebut sehingga ia hilang.

Anas bin Malik r.a berkata:

“Bahagian dalam sarung pedang Rasulullah ﷺ diperbuat dari perak. Hujung hulu pedangnya³¹ juga diperbuat dari perak. Di antaranya juga terdapat gelang dari perak.

Nabi ﷺ juga memiliki 2 baju besi yang dimiliki dari harta rampasan dalam peristiwa kepungan Yahudi Bani Qainuqa`, iaitu **As-Sughdiyyah** dan **Fidh-dhah**.

Selain itu, Nabi turut memiliki 1 baju besi yang dinamakan sebagai **Zatul Fudhul**. Baju besi ini telah dipakai oleh Nabi dalam peperangan Badar dan Hunain.

Terdapat satu pandangan mengatakan, Nabi ﷺ memiliki baju besi yang pernah dipakai oleh Nabi Daud a.s ketika beliau membunuh Jalut.

Nabi ﷺ juga memiliki topi besi yang dipanggil sebagai **As-Sabugh**.

Nabi turut memiliki **Mintaqah** iaitu tali pinggang kulit yang diikat pada badannya. Tali pinggang ini mempunyai 3 gelung

31 Hulu pedang terletak di hujung gagang pedang

pengetat dari perak. Kedua-dua pengikat di hujung tali pinggang ini juga diperbuat dari perak.

Bendera Nabi ﷺ adalah berwarna putih.



Perihal Pakaian dan Peralatan Rumah Nabi ﷺ



Ketika Nabi ﷺ wafat, Nabi meninggalkan:

- 2 helai baju Hibarah³²
- 1 helai kain sarung Oman
- 2 helai pakaian Suhari³³
- 1 helai baju *qamis* (baju dalam) Suhari
- 1 helai baju Suhuli³⁴
- 1 helai jubah Yaman
- 1 helai baju *khamisah* (baju bercorak)
- 1 helai kain putih
- 3 – 4 helai kopiah kecil
- 1 helai selendang berwarna celupan³⁵.

Nabi ﷺ memiliki sebuah raga yang berisi cermin, sikat gading³⁶, celak, gunting dan sugi.

Nabi juga mempunyai:

- Tilam dari kulit yang berisi sabut pokok kurma.
- 2 biji mangkuk. Salah satu darinya ada 3 tampungan dari

32 Kain dari benang yang bergaris-garis diperbuat di Yaman.

33 Suhari adalah nisbah kepada sebuah tempat bernama Suhar di Yaman.

34 Suhuli adalah nisbah kepada sebuah tempat bernama Suhul di Yaman.

35 Selalunya, celupan tersebut berwarna kekuningan seperti za' faran.

36 Maksudnya, sikat tersebut berasal dari gading gajah. Ada pandangan mengatakan ia berasal dari cengkerang penyu.

perak.

- Bekas air diperbuat dari batu.
- Besen kecil yang pernah digunakan untuk membancuh inai. Besen ini pernah diletakkan berhampiran kepala Nabi ketika Nabi mengalami demam³⁷.
- Mangkuk kaca.
- Besen mandi dari tembaga.
- Pinggan.
- Bekas bernama Sa` (صاع) yang digunakan untuk menyukat kadar zakat fitrah.
- Bekas bernama Mud (مد).
- Katil.
- Sehelai kain baldi.

Nabi ﷺ juga mempunyai cincin dari perak yang mempunyai batu. Pada batu tersebut terukir tulisan:

محمد رسول الله

Ada pandangan mengatakan, cincin Nabi diperbuat dari besi yang disadur perak.

Raja An-Najasyi pernah menghadiahkan Nabi sepasang **khuf** berwarna hitam. Nabi sering menggunakan khuf tersebut.

Nabi ﷺ memiliki pakaian berwarna hitam dan sehelai serban dipanggil 'as-sahab'. Serban itu kemudiannya diberikan kepada Ali. Ada ketikanya, jika Nabi melihat Ali datang dengan memakai serban tersebut, Nabi akan berkata:

“Ali datang kepada kamu dengan serban **as-sahabnya**.”

Nabi ﷺ mempunyai 2 helai pakaian khas untuk menghadiri

37 Air di dalam besen itu disapu di kepala dan wajah bagi tujuan mengurangkan rasa panas.

Jumaat selain dari pakaian yang digunakan pada hari biasa.

Nabi juga memiliki sehelai sapu tangan yang Nabi gunakan untuk mengelap wajahnya selepas berwuduk.



Perihal Mukjizat-Mukjizat Nabi



Di antara mukjizat Nabi ﷺ ialah:


- 1) Kitab Al-Quran. Ini mukjizat Nabi yang paling agung.
- 2) Peristiwa dada Nabi dibelah.
- 3) Nabi pernah mengkhabarkan perihal Baitul Maqdis kepada orang musyrik Mekah³⁸.
- 4) Peristiwa bulan terbelah dua.
- 5) Orang Quraish pernah berpakat untuk membunuh Nabi. Namun Nabi berjaya meloloskan diri kerana penglihatan mereka ditutup dan kepala mereka tunduk seperti orang mengantuk. Lalu Nabi mengambil segenggam tanah dan membaca:

شَاهَتِ الْوُجُوهُ

Telah menjadi buruk wajah-wajah itu

dan melemparkan ke arah mereka. Setiap orang yang terkena tanah tersebut telah terbunuh dalam perang Badar.

38 Sedangkan Nabi tidak pernah pergi ke sana.

- 
- 6) Dalam perang Hunain, Nabi pernah melemparkan segenggam tanah ke arah tentera musuh, lalu Allah mengalahkan mereka.
 - 7) Peristiwa labah-labah membuat sarang di pintu gua Thur.
 - 8) Peristiwa Suraqah bin Malik yang cuba mengejar Nabi ketika Nabi berhijrah ke Madinah. Namun kaki kudanya telah tenggalam dalam tanah yang keras.
 - 9) Peristiwa Nabi ﷺ mengusap belakang seekor kambing betina yang belum mencapai usia memiliki susu. Lalu kambing itu mengeluarkan susu.
 - 10) Peristiwa biri-biri Ummu Ma`bad.
 - 11) Doa Nabi untuk Umar agar Allah memperkuat Islam dengannya.
 - 12) Doa Nabi untuk Ali agar Allah memeliharanya dari mudarat musim panas dan musim sejuk.
 - 13) Nabi pernah meludah pada kedua mata Ali yang sakit, lalu ia sembuh serta merta dan beliau tidak pernah terkena sakit mata selepas itu.
 - 14) Nabi berdoa kepada Allah agar dikembalikan mata Qatadah bin An-Nu`man ketika matanya terkeluar dan tergantung di pipinya³⁹. Setelah itu mata Qatadah menjadi lebih baik dari sebelumnya.

- 15) Nabi mendoakan Abdullah bin `Abbas agar dikurniakan ilmu tafsir Al-Quran dan kefahaman dalam beragama.
- 16) Nabi mendoakan unta Jabir, lalu untanya dapat berlari pantas sedangkan sebelum itu untanya lemah dan tidak mampu berlari.
- 17) Nabi mendoakan Anas agar dikurniakan umur yang panjang serta diberikan harta yang banyak dan anak yang ramai.
- 18) Nabi mendoakan keberkatan pada penanaman buah kurma Jabir hingga beliau dapat membayar hutang-hutangnya. Malah terdapat lebihan buah kurmanya sebanyak 13 wusq⁴⁰.
- 19) Nabi pernah meminta turun hujan dari Allah. Lalu hujan turun selama seminggu. Kemudian Nabi berdoa agar dihentikan lalu awan berarak pergi.
- 20) Nabi pernah mendoakan keburukan ke atas `Utaibah bin Abu Lahab, lalu beliau mati dibaham singa di Az-Zarqa`, Syam.
- 21) Sebatang pokok pernah menjadi saksi kerasulan Nabi ﷺ ketika Nabi sedang mengajak seorang arab badawi memeluk agama Islam. Arab Badawi itu berkata kepada Nabi: “Adakah kamu ada saksi atas dakwaan kamu?”

Nabi menjawab: “Ada, iaitu pokok ini.”

40 1 wusq bersamaan 122.4 kilogram. Ini bererti 13 wusq adalah menyamai 1591.2 kilogram.

Kemudian Nabi memanggil pokok tersebut dan ia datang menyatakan kesaksian atas kerasulan Nabi sebanyak 3 kali.

Kemudian pokok itu kembali semula ke tempatnya.

22) Nabi pernah memerintahkan dua batang pokok agar berhimpun dan berdiri rapat-rapat, kemudian 2 batang pokok tersebut berpisah ke tempat masing-masing.

23) Nabi pernah arahkan seorang Sahabatnya agar pergi kepada beberapa batang pokok kurma dan berkata:

“Rasulullah ﷺ memerintahkan kalian agar berhimpun.”

Lalu pokok-pokok tersebut berhimpun. Apabila Nabi selesai membuang air, Nabi memerintahkan pokok-pokok tersebut kembali ke tempat asal. Lalu pokok-pokok tersebut kembali seperti asal dan mendiamkan diri.

24) Sebatang pokok telah datang memacakkan dirinya dalam tanah serta berdiri di tepi Nabi. Apabila terjaga dari tidur, Nabi diberitahu tentang kejadian tersebut. Lalu Nabi berkata:

“Itu adalah pokok yang telah meminta izin dari Tuhan untuk memberi salam kepadaku, dan Tuhan mengizinkannya.”

25) Setelah Nabi dilantik menjadi Rasul, terdapat batu dan pokok yang memberi salam kepada Nabi pada beberapa malam dengan berkata:

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ

Salam sejahtera ke atasmu, wahai Rasulullah.

Nabi berkata lagi:

“Sesungguhnya aku masih kenal sebiji batu di Mekah yang pernah memberi salam kepadaku sebelum aku dilantik menjadi Rasul.”

- 26) Peristiwa sebatang pokok kurma merindui Nabi.
- 27) Peristiwa batu kecil dalam tapak tangan Nabi mengucapkan tasbih⁴¹.
- 28) Peristiwa makanan mengucapkan tasbih.
- 29) Peristiwa daging kambing memberitahu Nabi bahawa ia mengandungi racun.
- 30) Peristiwa seekor unta mengadu kepada Nabi bahawa ia diberi makan sedikit tapi dikerah dengan pelbagai kerja.
- 31) Peristiwa seekor ibu kancil yang merayu kepada Nabi agar dilepaskan dari perangkap agar ia dapat menyusukan anaknya, serta ia akan kembali semula diikat perangkap. Lalu Nabi melepaskannya dan ibu kancil itu mengucapkan 2 kalimah syahadah.
- 32) Nabi pernah memberitahu tentang tempat terbunuhnya beberapa orang musyrik menjelang perang Badar. Semua nama yang diberitahu oleh Nabi telah terbunuh di tempatnya.

41 Iaitu mengucapkan kalimah ‘subhanallah’.

- 33) Nabi memberitahu bahawa akan ada sekelompok manusia di kalangan umatnya yang berperang di lautan serta menyebutkan bahawa, seorang wanita bernama Ummu Haram binti Milhan akan turut terlibat. Lalu berlakulah seperti yang dikhabarkan⁴².
- 34) Nabi mengkhabarkan bahawa Uthman bin `Affan akan ditimpa ujian yang berat. Lalu berlakulah seperti yang dikhabarkan dan Uthman telah dibunuh di rumahnya.
- 35) Nabi pernah berkata kepada orang-orang Ansar:
- “Sesungguhnya kalian akan menemui selepasku zaman manusia mementingkan diri dengan kesenangan dunia.”
- Zaman tersebut mula berlaku di zaman pemerintahan Muawiyah.
- 36) Nabi pernah berkata tentang cucunya, Al-Hasan.
- “Sesungguhnya cucuku ini adalah seorang pemimpin. Dan nanti ditangannya, Allah akan mendamaikan 2 kumpulan yang besar di kalangan umat Islam.”
- 37) Nabi pernah mengkhabarkan pembunuhan Al-`Ansi Al-Kazzab berlaku di waktu malam. Nabi turut memberitahu nama pembunuhnya sedangkan Al-`Ansi ketika itu berada di San`a, Yaman⁴³.

42 Ia berlaku di zaman pemerintahan Uthman bin `Affan pada tahun 27 hijrah.

43 Pembunuh Al-`Ansi ialah Fairuz Ad-Dailami

- 38) Nabi pernah berkata kepada Thabit Bin Qais:
"Kamu hidup dalam keadaan terpuji dan akan terbunuh dalam keadaan syahid."

Lalu Thabit terbunuh dalam perang Al-Yamamah.

- 39) Seorang lelaki telah murtad dan menyertai golongan musyrik. Kemudian Nabi diberitahu tentang kematiannya dan berkata:

"Sesungguhnya bumi tidak akan menerimanya."

Lalu terjadilah seperti yang dikhabarkan Nabi⁴⁴.

- 40) Nabi pernah menegur seorang lelaki yang makan dengan tangan kirinya. "Makanlah dengan tangan kanan kamu."

Lelaki itu menjawab, "Saya tidak mampu berbuat demikian."

Lalu Nabi berkata: "Kamu tidak akan mampu selama-lamanya."

Sejak itu, lelaki tersebut tidak mampu mengangkat tangan kanan ke mulutnya.

- 41) Di hari Nabi ﷺ menakluk Kota Mekah, Nabi mendapati banyak berhala yang tergantung di keliling Kaabah. Sambil memegang tongkat, Nabi menunjuk ke arah berhala-berhala tersebut dan berkata:

وَجَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ

Telah datang kebenaran dan telah hancur kebatilan.

44 Mayat orang murtad tersebut didapati terhambur keluar dari kuburnya walaupun sudah beberapa kali ia dikebumikan.

Berhala-berhala yang tergantung itu gugur dengan sendirinya.

Demikian juga pengalaman yang dialami oleh Mazin bin Al-Ghadhubah At-Ta'iy⁴⁵, Sawad bin Qarib⁴⁶ dan lain-lain.

- 42) Biawak padang pasir pernah memperakui kenabian Muhammad ﷺ.
- 43) Nabi ﷺ pernah menjamu 1000 orang Sabahat dengan satu gantang gandum ketika peristiwa mengorek parit sebelum perang Khandaq bermula hingga mereka kenyang. Malah makanan masih berlebihan selepas tamat jamuan.
- 44) Nabi ﷺ pernah menjamu ramai Sahabatnya dengan kurma yang sedikit.
- 45) Nabi pernah menghimpunkan lebihan makanan di atas hamparan kulit, lalu mendoakan keberkatan pada makanan tersebut. Kemudian Nabi membahagi-bahagikannya kepada para tentera dan ianya mencukupi.
- 46) Abu Hurairah r.a pernah datang kepada Nabi dengan beberapa biji kurma yang disusun di atas tapak tangannya, dan berkata, “doakan keberkatan kepada kurma-kurma ini.” Lalu Nabi mendoakannya.

45 Mazin ialah pengurus berhala-berhala dalam Kaabah. Dia pernah mendengar suara dari berhala-berhala tersebut memberitahunya tentang kewujudan Nabi Muhammad s.a.w.

46 Sebelum memeluk agama Islam, Sawad ialah seorang bomoh di zaman Jahiliyyah. Beliau memeluk agama Islam setelah ada jin yang mengkhabarkan-nya tentang kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

Kata Abu Hurairah r.a: “Saya telah memakan kurma tersebut hingga ia mencecah beberapa wusq⁴⁷ ketika berperang di jalan Allah. Kami sering memakannya dan menjamu orang lain hingga kewujudan kurma itu terhenti di zaman pemerintahan Uthman r.a.

- 47) Nabi pernah menjamu golongan ahli suffah sepinggan makanan *tharid*⁴⁸. Kata Abu Hurairah r.a: “Ketika orang mula bersurai, saya baru sampai dan cuba menzahirkan diri di depan Nabi agar ia memanggil saya, sedangkan makanan di dalam pinggan ketika itu hanya tinggal sedikit di tepi-tepi pinggan. Lalu Nabi menghimpunkannya sehingga ia menjadi sesuap makanan dan meletakkannya di atas jari-jarinya. Nabi berkata kepada saya:

“Makanlah dengan menyebut nama Allah.”

Kata Abu Hurairah: “Demi Tuhan yang diriku berada dalam kekuasaanNya, saya dapat menjamah makanan yang sedikit itu dalam tempoh yang lama sehingga kenyang.”

- 48) Peristiwa air terpancar keluar dari celah-celah jari Nabi hingga para Sahabat dapat minum dan berwuduk dengannya. Bilangan mereka ketika itu ialah 1400 orang.
- 49) Dalam peristiwa lain, semangkuk air telah dibawa kepada Nabi. Nabi cuba meletakkan semua jarinya

47 1 wusq bersamaan dengan 122 kilogram

48 Tharid ialah makanan seakan bubur yang dicampur dengan roti dan bahan lain.

di dalam mangkuk tersebut. Namun mangkuk tersebut hanya dapat memuatkan 4 jarinya sahaja kerana saiznya yang kecil. Nabi berkata kepada para Sahabatnya: “Marilah.”

Lalu mereka semua berwuduk dengan air tersebut dan bilangan mereka pada waktu itu sekitar 70 – 80 orang.

- 50) Dalam perjalanan ke Tabuk, Nabi telah melalui satu kawasan berair namun airnya tidak dapat menghilangkan dahaga. Para Sahabat ketika itu sedang kehausan dan mengadukan hal tersebut kepada Nabi. Lalu Nabi ﷺ mengambil sebatang panah dari bekasnya dan memacakkannya dalam lubang mata air. Tidak semena-mena air keluar mencurah-curah dan para Sahabat dapat menghilangkan dahaga mereka. Bilangan tentera pada ketika itu ialah sekitar 30 ribu orang.
- 51) Dalam satu kejadian lain, sekumpulan Sahabat Nabi pernah mengadu air yang masin dalam sebuah telaga. Lalu Nabi ﷺ datang diiringi dengan berapa orang Sahabat dan berdiri di tepi telaga mereka. Nabi meludah ke dalamnya dan terpancarlah air tawar dari telaga tersebut.
- 52) Seorang wanita pernah datang kepada Nabi ﷺ dengan bayinya yang mempunyai penyakit botak. Nabi menyapu kepala anaknya lalu rambut tumbuh dan hilang penyakit tersebut. Berita ini kemudiannya sampai kepada penduduk Al-Yamamah⁴⁹. Lalu ada seorang wanita membawa bayinya kepada Musailamah untuk dilakukan hal

49 Ketika itu, penduduk Al-Yamamah mempunyai seorang lelaki yang mendakwa diri sebagai nabi, namanya Musailamah.

yang sama. Setelah Musailamah mengusap kepala bayi tersebut, ia terus menjadi botak serta penyakit tersebut turut melanda seluruh keturunannya.

- 53) Pedang `Ukasyah pernah patah dalam perang Badar, lalu Nabi memberikannya sebatang kayu, namun ia berfungsi sama seperti pedang. Kayu tersebut disimpan oleh beliau selepas itu.
- 54) Dalam peristiwa menjelang perang Khandaq, terdapat seketul batu keras yang tidak dapat dihancurkan oleh tukul besi. Lalu Nabi ﷺ memukulnya hingga ia menjadi hancur berkecai.
- 55) Nabi ﷺ pernah mengusap kaki Abu Rafi' yang patah. Lalu kakinya sembuh seperti tidak pernah mengalami sebarang kecederaan.

Mukjizat-mukjizat Nabi ﷺ adalah lebih banyak dari ini dan kitab ini tidak dapat menghimpunkan ke semuanya.



Perihal Kewafatan Nabi



Nabi ﷺ wafat ketika berusia 63 tahun pada hari Isnin di waktu duha, bertarikh 12 Rabi'ul Awwal. Baginda telah jatuh sakit selama 14 hari. Setelah kewafatannya, Baginda dikebumikan pada malam Rabu.

Ketika menjelang kematian, Nabi ﷺ mencelup tangannya ke dalam bekas air dan menyapu mukanya, sambil berkata:

اللَّهُمَّ اَعِنِّي عَلَى سَكْرَاتِ الْمَوْتِ

Ya Allah, bantulah aku untuk menghadapi kesakitan mati.

Ketika Nabi sedang mengalami kesakitan, Fatimah r.a berkata kepada Nabi:

“Alangkah sedihnya melihat kesukaran yang ayah hadapi!”

Lalu Nabi membalas, “Bapamu tidak akan lagi merasa sakit lagi selepas ini.”

Setelah Nabi wafat, beliau telah diselimutikan dengan kain Hibarah.



Reaksi Sahabat Terhadap Kematian Nabi ﷺ



Disebabkan merasa terlalu terkejut, sebahagian Sahabat sukar menerima berita kematian Nabi. Reaksi ini datang dari Umar r.a. Malah Uthman r.a kehilangan kata-kata dan Ali r.a pula terduduk. Tidak ada Sahabat Nabi yang dapat menenangkan diri dan cecal melainkan Al-`Abbas dan Abu Bakr r.a.

Di celah kesedihan itu, orang ramai mendengar suara dari bilik Nabi yang mengatakan: “Nabi tidak perlu dimandikan kerana Baginda adalah suci dan disucikan.”

Namun tidak berapa lama kemudian mereka mendengar suara lain berkata: “Mandikanlah Nabi. Suara tadi adalah suara Iblis dan aku adalah Khadir.” Kemudian Khadir mengucapkan kata-kata takziah kepada mereka.

Khadir menyambung lagi.

“Sesungguhnya pada ketetapan Allah itu ada kegembiraan di sebalik setiap musibah, penggantian pada setiap yang binasa dan tindakan susulan pada setiap yang hilang. Maka percayalah kepada Allah dan kepadaNya jua digantung pengharapan. Sesungguhnya orang yang ditimpa musibah sebenar ialah orang terhalang dari mendapat ganjaran pahala.”

Para ulama berbeza pandangan pada cara Nabi dimandikan. Adakah Nabi dimandikan dengan pakaiannya atau tanpa pakaian? Allah telah menjadikan mereka tertidur, lalu ada seseorang yang tidak dikenali berkata: “Mandikan Nabi dengan pakaiannya.” Lalu mereka semua tersedar dan memandikan Nabi.

Para Sahabat yang memandikan Nabi ialah:

1. **Ali bin Abi Talib**
2. **Al-`Abbas bin Abd Al-Muttalib**
3. **Al-Fadhl bin Al-`Abbas**
4. **Qutham bin Al-`Abbas**
5. **Usamah bin Zaid, Mawla Nabi**
6. **Syukuran, Mawla Nabi.**

Turut hadir ialah Aus bin Khawli dari golongan Ansar.

Ali telah menekan perut Nabi namun tidak ada sesuatu pun yang keluar. Lalu Ali berkata:

“Semoga Allah melimpahkan selawat ke atasmu. Jasadmu sentiasa elok ketika hidup dan mati.”

Nabi ﷺ telah dikafankan dengan 3 helai pakaian *Suhuliyah* yang putih, tanpa baju dan serban. Ia hanya melibatkan beberapa gulung kain tanpa jahitan.

Para Sahabat telah menunaikan solat jenazah kepada Nabi secara individu tanpa imam.

Kemudian dibentangkan dalam kubur Nabi sehelai kain baldi merah yang pernah dipakai oleh Nabi. Kain baldi tersebut telah dibentangkan oleh Syuqran.

Kubur Nabi ﷺ telah dikorek secara *lahad*⁵⁰ dan *lahad* tersebut ditutup dengan 9 keping batu leper.

Namun para ulama berbeza pandangan, adakah kubur Nabi dikorek secara *lahad* atau *syaq*⁵¹.

Ini kerana di Madinah ketika itu terdapat 2 orang pengorek kubur. Pertama, Abu Talhah yang mengorek secara *lahad*. Kedua, Abu `Ubaidah yang mengorek secara *syaq*.

Para Sahabat bersetuju, penggali kubur yang datang awal akan mengorek kubur berdasarkan kemahirannya. Lalu datang pengorek *lahad* lebih awal dan menggali kubur secara *lahad*.



Kubur Lahad (kiri) dan Kubur Syaq (kanan)

50 Lahad bermaksud kubur yang mempunyai ruang letak jenazah di bahagian tepi. Kebanyakan kubur begini dilakukan pada tanah yang keras.

51 Syaq ialah kubur yang mempunyai ruang letak jenazah di tengah-tengah

Kubur Nabi berada di dalam rumah Aisyah r.a.

Turut dikebumikan bersama-sama Nabi ﷺ (selepas itu) ialah Abu Bakr dan Umar.

Semoga Allah meredai kedua-duanya.

والله سبحانه وتعالى أعلم
تم الكتاب بعون الله الملك الوهاب